

## **BAB TIGA**

### **HAKCIPTA SEBAGAI HARTA MENURUT ISLAM**

#### **3.1 Hakcipta: Kesesuaianya dengan Konsep Harta di dalam Islam**

Sebagaimana yang diketahui umum, sehingga kini tidak pernah ada penulisan atau kajian yang dibuat mengenai konsep harta intelek secara umum dan hakcipta secara khusus menurut perspektif Islam. Dan hakcipta yang diterimakan oleh Undang-undang Malaysia sekarang ini berdasarkan Undang-undang Inggeris. Begitupun, Fuqaha' klasik ada membincangkan mengenai harta secara umum di samping perbincangan mengenai sikap dan pandangan Islam terhadap hasil-hasil seni. Oleh itu, penulis berusaha untuk menjadi perintis dalam membuka ruang keluasan hukum Islam yang dikatakan sebagai sesuai untuk sepanjang zaman, mampu mengatasi persoalan semasa. Walaupun fuqaha' klasik hanya mengupas tentang harta secara umum, tanpa menyebut secara langsung mengenai hakcipta, tetapi beberapa kesimpulan boleh dibuat berasaskan perbincangan di dalam dua bab yang pertama sebelum ini. Ternyata, di antara kedua-duanya mempunyai beberapa titik persamaan yang perlu dianalisa dengan lebih mendalam. Berhubung dengan persoalan ini, penulis membuat kupasan dari beberapa aspek penting iaitu:

### 1) Dari aspek definisi.

Meneliti definisi dari segi bahasa, sama ada harta maupun hakcipta, kedua-duanya menekankan suatu asas yang utama iaitu aspek nilai dan pemilikan. Ertinya di sini, harta ataupun hakcipta ialah sesuatu yang bernilai. Berkait dengan nilai ini ialah pemilikan di mana sebagai sesuatu yang bernilai, maka sudah tentu dimiliki oleh seseorang. Oleh kerana itu, hakcipta diiktiraf oleh Undang-undang Malaysia sebagai milik kepada penciptanya.

Dari segi istilah pula, pelbagai definisi telah diberikan oleh para fuqaha' klasik mengenai harta menurut Islam. Ternyata bahawa tafsiran mengenai harta itu seiring dengan perkembangan situasi dan perkembangan zaman. Ini bererti konsep harta di dalam Islam tidak tertakluk kepada definisi yang telah sedia diketengahkan, malah sentiasa berkembang dan meluas, sesuai dengan keperluan semasa dan *'urf masyarakat*. Sebagai contohnya, Ibn 'Abidin<sup>1</sup> pada awalnya mentafsirkan harta sebagai emas dan perak sahaja, tetapi kemudiannya berkembang kepada apa sahaja yang dimiliki. Apa yang penting ialah unsur-unsur asas harta sebagaimana yang diperbincangkan sebelum ini wujud.

Keterbukaan ini memberi ruang kepada hakcipta untuk dinilai sama ada diterima sebagai harta atau tidak di dalam Islam memandangkan ia adalah persoalan semasa masa kini. Rata-rata, definisi yang diberikan oleh fuqaha' menekankan aspek manfaat daripada sesuatu harta di samping boleh dimiliki atau

dikuasai. Ini jelas sebagai contoh di mana Dr. Badran menyebut bahawa harta ialah sesuatu yang dimiliki sama ada 'ayn atau manfaatnya.<sup>2</sup> Jadi, setiap sesuatu yang boleh memberikan manfaat dikatakan sebagai harta. Merujuk pula kepada hakcipta, ia adalah hak eksklusif yang dilindungi oleh undang-undang ke atas karya-karya yang dihasilkan. Ternyata, karya-karya yang dihasilkan mempunyai nilai dan memberi manfaat yang besar sama ada kepada pencipta, masyarakat dan negara. Oleh itu, ia boleh dikategorikan sebagai harta. Maka hak yang berhubung dengan karya-karya ini dianggap juga sebagai harta. Pandangan jumhur fuqaha' termasuk Imām Syāfi'i dalam persoalan hak dan manfaat wajar diterimapakai dalam konteks ini kerana ia lebih relevan dengan maslahah semasa.<sup>3</sup> Pemilikannya juga diiktiraf oleh undang-undang. Ini bermakna pemilik hakcipta mempunyai hak untuk mengawal dan mampu untuk menguasainya.

2) Dari aspek unsur-unsur kehartaan.

Kesimpulan daripada definisi-definisi yang telah diketengahkan oleh para fuqaha' klasik, penulis merumuskan tiga unsur utama yang ada pada harta. Dengan adanya tiga unsur utama ini, maka sesuatu itu dikatakan sebagai harta menurut pandangan fuqaha' klasik. Tiga unsur utama sebagaimana yang telah diuraikan dengan panjang lebar oleh penulis di dalam bab satu ialah unsur boleh dikuasai atau dimiliki, bernilai dan bermanfaat.

Sehubungan dengan ini, sesuatu yang boleh **dimiliki dan dikuasai** dianggap sebagai harta. Dengan pemilikan itu bererti seseorang mempunyai hak penguasaan yang khusus yang mana sebagai seorang pemilik, beliau bebas mengguna dan memanfaatkannya kecuali jika terdapat halangan Syarak. Ini dikatakan sebagai satu keistimewaan yang dimiliki oleh pemilik sesuatu harta.

Berhubung dengan unsur ini ialah persoalan hak. Kaitan hubungan di antara hak dan pemilikan penting untuk diketengahkan memandangkan bahawa pemilikan dan harta terangkum di dalam konsep hak. Dikatakan bahawa adanya hak, maka barulah adanya pemilikan dan penguasaan ke atas sesuatu harta

Berbalik kepada hakcipta, ia sebenarnya merupakan hak yang dilindungi oleh undang-undang ke atas hasil karya seseorang. Karya-karya yang dihasilkan pula ternyata boleh dikuasai dan dimiliki oleh penciptanya kerana ia diiktiraf sebagai hakcipta apabila dijadikan dalam bentuk bahan atau sebarang penetapan lain. Dengan pengiktirafan undang-undang terhadap hak mereka sebagai pencipta, maka pencipta dikatakan mempunyai autoriti eksklusif untuk mengguna dan memanfaatkan hasil karya sebaik mungkin di samping mempunyai hak untuk menghalang orang lain daripada mengguna dan memanfaatkannya secara tidak sah atau tanpa kebenaran.<sup>4</sup> Dalam erti kata lain, seseorang tuan punya mempunyai kuasa penuh untuk menguruskan hasil ciptaan. Oleh itu, kawalan terhadap hasil karya mereka menjadi lebih terjamin.

Begitupun, autoriti eksklusif ini tidaklah mutlak di mana ia juga tertakluk kepada sejauh yang diizinkan oleh undang-undang. Di sebalik autoriti pemilikan dan penguasaan, terdapat juga beberapa pengecualian yang dibenarkan oleh undang-undang.<sup>5</sup> Sebagai contohnya, seorang pelajar dibenarkan untuk membuat salinan terhadap sesuatu karya ciptaan orang lain untuk tujuan pembelajaran dan sebagainya yang difikirkan sebagai mempunyai tujuan yang wajar oleh undang-undang. Dalam hal ini, ia agak berbeza dari aspek hukum Islam di mana atas kebenaran itu berdasarkan kepada ketetapan Syarak manakala hakcipta berdasarkan kepada ketetapan undang-undang yang diasaskan kepada undang-undang Inggeris. Namun begitu, pengecualian dan batasan yang ditetapkan oleh undang-undang itu mempunyai kepentingan yang tersendiri di mana memberi ruang kepada masyarakat untuk memanfaatkannya dengan sebaik mungkin hasil ciptaan yang dicipta.

Unsur yang tidak kurang pentingnya juga di dalam mentafsirkan konsep harta di dalam Islam ialah **unsur manfaat**. Malah boleh dikatakan bahawa manfaat sebagai dasar penting dalam menentukan konsep harta. Tanpa adanya manfaat, sesuatu itu tidak diiktiraf sebagai harta. Seperti yang diketahui umum, manfaat itu ialah sesuatu yang berguna dan memberikan pulangan yang baik ekoran daripada manfaat tersebut. Oleh kerana hubungan yang rapat di antara harta dan manfaat di mana tanpa manfaat boleh menjelaskan konsep harta, maka sesuatu yang tidak mendatangkan pulangan yang baik atau faedah yang baik tidak dikatakan harta dan begitulah sebaliknya.

Atas dasar peri pentingnya manfaat jugalah maka Imām Syāfi'i berpendapat bahawa manfaat termasuk di dalam kategori harta,<sup>6</sup> bertentangan dengan pandangan Imām Ḥanafī.<sup>7</sup> Seterusnya, manfaat juga boleh dijadikan mas kahwin sedangkan mas kahwin mestilah terdiri daripada harta.

Nampaknya, persoalan manfaat ini boleh menjadi hujah yang kuat bagi menyelesaikan persoalan hakcipta sama ada diiktiraf sebagai harta di dalam Islam atau tidak. Oleh kerana manfaat itu begitu penting sebagai asas utama di dalam menentukan harta, maka ia dianggap sebagai harta menurut Syāfi'i dan pandangan ini telah diterima oleh kebanyakan fuqaha' dahulu dan sekarang. Sokongan diberikan kerana ianya lebih relevan dengan realiti semasa, Penulis merumuskan bahawa manfaat adalah aspek penting untuk dinilai bagi mengiktiraf bahawa hakcipta juga boleh dimasukkan sebagai harta menurut Islam.

Manfaat yang didapati daripada hakcipta tidak boleh dipertikaikan lagi. Sumbangan dan manfaatnya begitu besar sama ada kepada individu, masyarakat mahupun negara. Melihat kepada sumbangannya yang besar inilah, maka undang-undang digubal oleh kerajaan bagi memberikan perlindungan kepada hakcipta. Tanpa perlindungan undang-undang, boleh menyebabkan kemudharatan kepada rakyat dan negara.

Sumbangan yang paling nyata ialah sumbangan ekonomi.<sup>8</sup> Ia menjadi sumber utama pendapatan hidup kepada pencipta karya yang bergiat secara

sepenuh masa ataupun pendapatan sampingan kepada sesiapa yang bergiat secara separuh masa. Begitu juga, ia menjadi sumber kewangan yang utama kepada syarikat-syarikat yang mengeluar dan mengedar hasil-hasil yang terlibat dengan hakcipta manakala penciptanya dibayar dengan pembayaran royalti. Berkenaan dengan hal ini, syarikat pengeluar dan pencetak buku akan mendapat keuntungan daripada hasil penjualan buku tersebut atau melalui sebarang bentuk urus niaga yang lain manakala pencipta karya buku pula diberi bayaran royalti sebagaimana yang dipersetujui oleh syarikat tersebut. Bagi seorang pencipta sesuatu program komputer pula, beliau juga dibayar royalti oleh syarikat pengeluar perisian tersebut dan syarikat tersebut sendiri mendapat keuntungan hasil daripada penjualan perisian program komputer yang dikeluarkan. Sebagai seorang pelukis pula contohnya, hasil lukisan boleh dijual dan mendapat pulangan yang baik.

Penyalinan secara tidak sah tanpa kebenaran seperti kegiatan cetak rompak akan mendarangkan kesan kepada pihak pencipta dan juga syarikat pengeluar. Sebagai contohnya, Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Selangor telah merampas 12 unit komputer peribadi yang mengandungi 16 perisian komputer komputer salinan langgaran dalam serbuan di sebuah firma arkitek di Petaling Jaya pada 5 Mac 1998. Serbuan juga turut merampas sebuah CD-Rom yang mengandungi perisian dan beberapa disket yang ditiru dari sebuah syarikat pengeluar perisian terkenal, AutoDesk Inc. Kesemua nilai rampasan tersebut dianggarkan berjumlah RM 288,400.00. Hasil siasatan menunjukkan firma tersebut hanya mempunyai satu lesen untuk

menggunakan perisian berjenama Autocad Relese 14, tetapi ia di dapati memiliki 16 perisian berjenama tersebut. Ekoran daripada kegiatan tersebut, Syarikat AutoDesk Inc mengalami kerugian kira-kira RM 200,000.00.<sup>9</sup> Seterusnya, akibat kegiatan cetak rompak juga, Presiden Pakatan Peniaga Perisian (BSA) Robert Holleyman dalam satu sidang akhbar di Kuala Lumpur pada bulan Februari 1998 menegaskan bahawa industri perisian komputer mengalami kerugian AS\$3.7 bilion dari Pasaran Asia Pasifik pada tahun 1996, dengan Malaysia menyumbang kira-kira AS\$121 juta.<sup>10</sup>

Kesan kerugian akibat cetak rompak juga berlaku ke atas penggiat seni. Kumpulan nasyid popular Raihan mengakui bahawa penjualan album kedua mereka "Syukur" hanya mencatatkan jualan 170,000 setelah empat bulan di pasaran berbanding dengan album pertama mereka yang mencatat jualan tertinggi sebanyak 600,000. Ini berlaku akibat daripada kegiatan cetak rompak yang berleluasa di samping faktor krisis ekonomi yang melanda Malaysia. Keadaan ini mendatangkan kesan kepada pembayaran royalti mereka lantaran pendapatan syarikat penerbitan juga mengalami kerugian.<sup>11</sup>

Contoh-contoh kerugian di atas menggambarkan bahawa hakcipta mendatangkan pulangan yang baik kepada pencipta dan pengeluar. Ini bermakna wujudnya unsur manfaat. Sumbangan kewangan ini seterusnya akan menggalakkan lagi pencipta untuk terus berkarya dan menyumbang kepada perkembangan intelek dan budaya.

Selain daripada manfaat kepada individu, ia juga mendatangkan manfaat yang besar kepada negara di mana pendapatan negara bertambah dengan pembayaran cukai oleh syarikat-syarikat dan individu yang terlibat dengan hakcipta. Berdasarkan maklumat rampasan oleh pihak berkuasa, ekoran daripada cetak rompak perisian komputer terutamanya CD dan VCD, pemilik hakcipta mengalami kerugian lebih RM25 juta pada enam bulan pertama pada tahun 1998 ini. Kesannya kepada negara ialah kerajaan terpaksa menanggung kerugian sehingga RM 12 juta dari segi cukai.<sup>12</sup> Dengan cukai yang sebanyak itu, pelbagai belanjawan boleh diatur untuk kebaikan negara. Dalam era maklumat dan Koridor Raya Multi media ini juga, kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini boleh menjelaskan keyakinan Syarikat Gergasi Teknologi Maklumat (IT) untuk mengembangkan kegiatan Koridor Raya Multimedia. Dalam erti kata lain, aktiviti cetak rompak yang berleluasa menjadi alasan utama menghalang syarikat multimedia utama dunia melabur di Malaysia khususnya dan Asian amnya lantaran mungkin mereka akan menghadapi masalah pasaran yang terlalu kecil dan lembap. Dengan ini, hasrat negara untuk maju dan membangunkan industri multi media tidak akan berjaya. Kalau dirujuk kepada Islam sendiripun, ia tidak menolak pembangunan negara. Malah Islam bergerak seiring dengan pembangunan dan kemajuan negara lantaran sifatnya yang fleksibel dan unggul sepanjang zaman. Oleh itu, hakcipta khususnya dan harta intelek umumnya perlu dihormati dan diiktiraf haknya lantaran manfaat dan sumbangannya begitu besar kepada negara ke arah membentuk sebuah negara maju seiring dengan kemajuan dunia pada masa kini.

Selain manfaat kepada negara, hakcipta juga mendatangkan manfaat kepada masyarakat keseluruhannya di mana masyarakat akan sama-sama dapat menikmati dan memanfaatkan karya-karya yang dihasilkan dengan sebaik-baiknya. Penciptaan karya yang berterusan membawa kepada pengembangan bakat, mendapat penemuan baru, membantu penyebaran agama dan memperkuatkan budaya positif dan kebajikan di kalangan ummat sama ada emosi, moral atau material. Dengan ini, ia dapat meningkatkan kemajuan dan keintelektualan diri, menghiburkan hati, melapangkan fikiran dan lain-lain manfaat. Keintelektualan dan budaya masyarakat akan terus berkembang dengan berkembangnya kreativiti hakcipta. Para pencipta sebenarnya menduduki tempat yang setaraf dengan ahli ekonomi, ahli pendidik, ahli Sains dan arkitek dalam masyarakat. Membangun seni keindahan dan kekreatifan perlu seiring dengan Sains dan Teknologi agar budaya harmoni dan seimbang.<sup>13</sup>

Satu petanda sumbangan hakcipta kepada masyarakat yang jelas ialah adanya beberapa pengecualian yang dibenarkan oleh undang-undang untuk urusan yang wajar dan munasabah seperti urusan untuk maksud penyelidikan yang bukan mencari keuntungan, pengajian persendirian, kritikan atau laporan peristiwa semasa dan lain-lain yang dibenarkan.<sup>14</sup> Urusan-urusan seperti ini dikatakan tidak melanggar undang-undang hakcipta. Jelas sekali bahawa pengecualian ini dibenarkan untuk kepentingan semasa agar mereka boleh memanfaatkan sebaik mungkin hasil karya pencipta tanpa sebarang masalah. Begitupun, ia tertakluk

juga kepada beberapa syarat sebagaimana yang telah ditetapkan oleh undang-undang.

Meneliti sumbangan dan manfaat hakcipta di atas, ia boleh menjadi asas yang kuat untuk menilai hakcipta di sisi Islam. Namun begitu, perlu disebut bahawa ukuran sama ada sesuatu itu boleh dimanfaatkan atau tidak di sisi Islam ialah berasaskan ketentuan hukum Syarak. Dalam hal ini, sesuatu yang harus dimanfaatkan oleh segolongan tetapi tidak harus dimanfaatkan oleh golongan yang lain, ia masih lagi dikira harta.

Persoalan ini berkait rapat dengan unsur harta yang ketiga iaitu **unsur bernilai**. Jadi, sebelum persoalan itu dikembangkan, penulis menyelusuri terlebih dahulu unsur bernilai ini. Dari aspek hakcipta, bila disebut bernilai ertiinya mempunyai nilai dan harga atau mempunyai nilai dagangan. Maknanya, hakcipta boleh menghasilkan pulangan kewangan yang baik melalui sebarang bentuk urus niaga sebagaimana harta alih dan harta tidak alih yang lain. Dengan nilai yang ada padanya membolehkan seseorang itu meningkatkan taraf hidup mereka. Ini yang menjadikan hakcipta memberikan faedah atau manfaat yang besar kepada pencipta.

Merujuk pula kepada konsep bernilai di sisi Islam, asas penting yang dikatakan bernilai itu bukan kerana adanya nilai dagangan, tetapi asas pengukuran bernilai itu ialah sama ada ianya diharuskan Syarak atau pun tidak. Sekiranya

sesuatu itu tidak diharuskan oleh Syarak, ia dianggap harta yang tidak bernilai di sisi Islam walaupun begitu berharga dan mempunyai nilai dagangan yang tinggi sekalipun. Hanya harta yang bernilai yang boleh dimanfaatkan dan halal di sisi Syarak. Oleh itu, konsep bermanfaat dan bernilai adalah terbatas dengan ketetapan Syarak. Ini bererti, tidak semua yang bermanfaat dan bernilai di sisi manusia itu adalah juga diterima oleh Syarak. Dengan ini, konsep hakcipta di sisi undang-undang Malaysia lebih umum daripada harta di sisi Syarak dalam aspek ini.

Berhubung dengan unsur ini, hanya harta yang bernilai sahaja yang boleh menjadi subjek kepada muamalah Islam kerana ia sesuatu yang harus untuk dimanfaatkan dan halal di sisi Syarak dan begitulah sebaliknya.

Berkaitan dengan unsur bernilai juga ialah sifat kecenderungan manusia kepada sesuatu yang bernilai dan bermanfaat. Ini bermakna manusia cenderung kepada sesuatu apabila ianya mempunyai nilai dan mendatangkan manfaat kepada mereka. Golongan Hanafi<sup>15</sup> menerima unsur ini walaupun ada sanggahan dari segolongan fuqaha' yang lain. Melihat kepada realiti hari ini, unsur ini ada kebenarannya untuk diterimapakai walaupun manusia itu berbeza kecenderungan masing-masing. Oleh yang demikian, karya-karya yang termasuk di dalam kategori hakcipta perlu dinilai semula sejauhmana ianya dikatakan bertepatan dengan Syarak dan bertentangan dengan Syarak. Kecenderungan sebahagian manusia sahaja sudah cukup untuk tidak menafikan konsep harta.

Dunia hari ini melihat betapa manusia semakin cenderung untuk mencipta karya yang termasuk di dalam kategori hakcipta lantaran manfaatnya yang begitu besar sama ada sebagai sumber rezeki mahupun kepuasan diri. Syarikat-syarikat yang terlibat dengan pengeluaran dan pengedaran hakcipta juga semakin tumbuh dan bercambah. Ini jelas menunjukkan wujudnya kecenderungan manusia kepada hakcipta dan ia selari dengan unsur yang dipelopori oleh Mazhab Hanafi bagi mentafsirkan konsep harta di dalam Islam.

Penelitian di atas menunjukkan bahawa Islam hanya mengiktiraf harta itu sebagai bermanfaat dan bernilai jika ianya menepati ketetapan Syarak. **Apa yang menjadi persoalan sekarang ini ialah sejauhmana karya-karya yang tersenarai di dalam Akta hakcipta 1987<sup>16</sup>** sebagai mendapat perlindungan undang-undang itu bertepatan dengan kehendak Syarak agar ianya boleh diiktiraf oleh Islam.

Bagi menjawab persoalan ini, satu penyelidikan yang tersendiri, lebih mendalam dan lebih terperinci perlu dilakukan. Penulis tidak bercadang untuk mendalaminya kerana ia di luar skop kajian penulis. Begitupun, kupasan dibuat secara umum mengenai pandangan Islam terhadap seni di samping penjelasan mengenai beberapa contoh karya seni pada pandangan Syarak bagi memberikan gambaran tentang kedudukan karya hakcipta di sisi Islam. Jika diteliti, karya-karya yang diiktiraf oleh Undang-undang hakcipta iaitu karya sastera, kesenian,

muzik, drama, rakaman suara, penerbitan, filem dan penyiaran adalah terangkum di dalam konsep seni.

### **Sikap dan Pandangan Islam terhadap Seni**

Umumnya, sesuatu ciptaan yang indah dan permai itu ialah seni tidak dikira sama ada ianya ciptaan Allah s.w.t mahupun ciptaan manusia. Seni di dalam bahasa Inggeris disebut *art*; makna literalnya ialah aspek-aspek yang halus dan indah, bagi menyenangkan hati dan perasaan manusia, tidak kira sama ada ianya hasil ciptaan Allah atau oleh fikiran, kemahiran, imaginasi dan perbuatan manusia. Dalam pengertian yang lebih padu, ia memberi nilai halus, indah, baik dan suci, berguna dan bermanfaat kepada manusia. Dalam erti kata lain, perkataan *seni* mempunyai fungsi dan nilai sosial. Pencipta yang maha halus dalam ciptaannya ialah Allah s.w.t. Allah merupakan puncak dan contoh kepada segala yang baik dan indah. Sementara itu, manusia yang mencipta hasil seni dipanggil seniman. Oleh itu, penggubah lagu yang indah, pengukir yang baik, pelukis yang melukis alam tabi'i dengan menggunakan warna-warna yang indah dan mengagumkan semuanya adalah seniman.<sup>17</sup>

Di samping itu, keindahan dan kehalusan itu sendiri bukanlah semata-mata hasil ciptaan manusia tetapi juga hasil ciptaan Allah yang maha suci. Allah ialah sumber daya dan pemikiran. Imagination dan keupayaan mencipta yang ada pada manusia adalah percikan daripada daya kreatif Allah. Ertinya, hasil ciptaan Allah

dan manusia tidak boleh dipisahkan dan ini menggambarkan bahawa seni di dalam Islam sebagai konsep yang bersepada.

Merujuk kepada sejarah, bermulanya seni pada zaman Nabi Daud 'a.s dan puteranya Sulaiman 'a.s dan ianya sejajar dengan tauhid dan Syarak. Al-Qur'ān ada menyatakan bahawa Nabi Daud mempunyai suara yang amat merdu. Sambil memetik kecapi, beliau mengumandangkan puji-pujian kepada Allah s.w.t dengan penuh khusyuk. Bukit-bukau dan gunung-ganang turut sama menyanyi memuji Allah bersama beliau. Nabi Daud 'a.s juga dikatakan sebagai manusia pertama menggunakan suara dengan irungan alat kecapi buat merasakan dan meresapi keindahan alam sekeliling.<sup>18</sup> Kisah ini juga turut dimuatkan di dalam sebuah hadis di mana pada suatu malam Rasulullah s.a.w mendengar Abū Mūsa al-Asy'ari membaca al-Qur'ān dengan suara sangat merdu lantas baginda bersabda:

يَا أَبَا مُوسَى لَقَدْ أُوتِيتَ مِزْمَارًا مِّنْ آلِ دَاؤِدَ

"Sesungguhnya anda telah pun dikurniakan Allah suara Mizmār keluarga Daud".<sup>19</sup>

Sifat indah memang sifat Allah. Allah yang mencipta keindahan dan mencipta daya manusia untuk menilai, menghargai dan menyenangi keindahan. Pemaparan yang indah mesti dibuat dalam konteks yang wajar sesuai dengan nilai Syarak dan nilai etika. Jika tidak, ia akan menjelaskan konsep seninya. Jadi, Islam

mempunyai kriteria yang tersendiri sebagai pengukur sama ada sesuatu karya seni itu halal atau haram iaitu sesuatu karya itu mesti baik. Baik di sini membawa erti ianya tidak akan merosakkan budi pekerti mulia di samping tidak melalaikan manusia daripada beribadat dan mengingati Allah. Manakala karya yang ditolak pula ialah karya buruk iaitu karya yang boleh merosakkan moral dan melalaikan manusia daripada mengingati Allah s.w.t.<sup>20</sup> Mana-mana seni yang terangkum di dalam karya baik adalah halal dan begitulah sebaliknya.

### **1) Seni suara.**

Suara ialah alat komunikasi tetapi dalam penampilan tertentu, ia ada nilai halus dan indah yang dapat mencuit perasaan, menggetarkan jiwa dan meninggalkan kesan-kesan yang efektif dan psikomotif di samping kesan kognitif. Dalam penggunaan biasa, tidak banyak masalah dari sudut Islam tetapi suara wanita tidak boleh dieksploritasikan untuk mendapat seramai mungkin yang terpesona dengan suaranya atau liuk lintuk jasadnya. Dari segi agama, seni suara mempunyai kebaikan dan juga keburukan. Yang baik itu halal dan yang buruk itu haram. Di antara seni suara yang baik ialah bacaan al-Qur'an dengan suara yang merdu, syahdu dan lunak, melagukan azan, menyanyikan lagu-lagu jihad, berzikir, mendendangkan nyanyian hari raya, menyanyikan selamat jalan kepada jemaah haji, ahli musafir atau pejuang ke medan perang, berzanji dan lain-lain. Manakala seni suara yang buruk ialah nyanyian yang menimbulkan nafsu berahi, lagu-lagu joget dan tari yang bercampur lelaki dan perempuan yang bukan mahram, lagu-

lagu yang boleh merosakkan akhlak muda-mudi dan melalaikan manusia daripada beribadat dan lain-lain.<sup>21</sup>

## 2) Nyanyian dan muzik

Nyanyian<sup>22</sup> ialah ungkapan bersajak (puitis) seperti syair yang mempunyai irama dan lagu manakala muzik<sup>23</sup> ialah permainan perasaan yang diwujudkan oleh bunyi-bunyi hasil daripada alat-alat atau gabungan daripada beberapa alat yang melahirkan nada, irama dan lagu. Muzik dan nyanyian merupakan permainan perasaan yang berperanan bukan sahaja sebagai penghibur tetapi juga menjadi agensi pembelajaran yang dapat meninggikan daya pemikiran sesuatu bangsa. Ia juga boleh merubah sikap ke arah pencapaian peradaban yang bererti di samping mempunyai kuasa yang tersendiri sehingga boleh menukar emosi menjadi terharu, sedih, pilu, menangis, bahkan gila. Ini menunjukkan bahawa kedua-duanya mempunyai hubungan yang rapat dengan jiwa dan perlu dikawal supaya tidak merosakkan jiwa dan moral manusia.

Islam dari segi falsafahnya, menyatakan nyanyian seperti juga muzik haruslah bertujuan ke arah pembentukan peribadi yang ideal dan tali penghubung ke arah taqwa kepada Allah . Justeru itu, Islam sama sekali tidak mengizinkan nyanyian dan muzik yang melalaikan manusia daripada menunaikan tanggungjawab sebagai hamba kepada Allah. Dalam perbincangan sama ada muzik dan nyanyian sebagai harus atau haram, fuqaha' tidak sepakat

mengenainya. Imām al-Ghazālī<sup>24</sup> misalnya ada menyebut di dalam penulisannya bahawa menurut Imām al-Tabārī berdasarkan pendapat Imām Syāfi‘ī, Mālik, Abū Ḥanīfah, Sufyān al-Thawrī dan beberapa fuqaha’ lagi mengharamkan muzik dan tarian.

Imām Syāfi‘ī di dalam kitab *Adāb al-Qada‘* menyatakan bahawa nyanyian adalah makruh dan melalaikan. Ia menyamai kebatilan. Menurut Qādī Abū al-Tayyib, mendengar nyanyian dari wanita yang bukan mahram tidak harus menurut pandangan pengikut-pengikut Syāfi‘ī. Imām Syāfi‘ī juga memakruhkan penggunaan seruling kerana menurutnya itu adalah perbuatan kaum Zindiq untuk memesongkan daripada al-Qur’ān.<sup>25</sup>

Imām Mālik juga melarang mendengar nyanyian, bahkan jika seseorang ingin membeli hamba dan tiba-tiba didapatinya seorang penyanyi, maka tidak boleh dibeli wanita tersebut. Pendapat ini menyamai pendapat Abū Ḥanīfah, bahkan beliau menyatakan mendengar nyanyian juga berdosa.<sup>26</sup>

Ibn Taymiyah pula membezakan antara mendengar nyanyian dan muzik yang bermanfaat pada agama. Menurutnya, diharuskan mendengar apa yang disyariatkan kepada hamba Allah seperti mendengar ayat-ayat Allah dari Nabi s. ‘a.w, sahabat, tabi‘in, kaum Muslimin, ulama’ dan ‘arifin. Dengan pendengaran tersebut, akan dapat menyucikan jiwa sebagai mana firman Allah s.w.t:

أُولَئِكَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِم مِنَ النَّبِيِّينَ مِنْ ذُرَيْةٍ عَادَمَ وَمِنْ حَمْلَنَا  
 مَعَ نُوحٍ وَمِنْ ذُرَيْةِ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْرَائِيلَ وَمِنْ هَدَيْنَا وَأَجْتَبَيْنَا إِذَا نَشَأْنَا  
 عَلَيْهِمْ عَابِثُ الْحَمْدِ خَرُوا سَجَّدًا وَبُكِيرًا ﴿١٩﴾

“Merekalah yang diberi nikmat oleh Allah di kalangan para Nabi dari zuriat Adam, hingga kepada Nuh , dari zuriat Ibrahim dan Isra’il dari kalangan mereka yang kami beri pertunjuk dan Kami pilih. Golongan itu apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Allah mereka tunduk dan menangis”

(Surah Maryam (19): 58)

وَإِذَا سَمِعُوا مَا أُنْزِلَ إِلَى الرَّسُولِ قَرَءُوا أَغْيِنَهُمْ تَفِيضُ مِنْ  
 الْدَّمْعِ مِمَّا عَرَفُوا مِنَ الْحَقِّ يَقُولُونَ رَبَّنَا فَاكْتُبْنَا مَعَ الشَّهِيدِينَ

“Dan apabila mereka mendengar apa yang diturunkan kepada Rasul, kelihatan mata mereka berlinangan air mata, mereka menangis setelah mereka mengetahui hakikat. Mereka berkata: Hai Tuhan Kami, kami beriman dengan ketuhananMu, maka catitkan kami sebagai golongan yang menjadi saksi di atas kebenaranMu”

(Surah al-Mâ’idah (5): 83)

Ada juga di kalangan fuqaha’ yang mengharuskan mendengar muzik dan nyanyian. Pengharusan ini dinyatakan oleh Abu Ṭalīb al-Makkī berdasarkan sekumpulan para sahabat yang terdiri daripada ‘Abd Allah ibn Ja’far, ‘Abd Allah

ibn Zuayr, Mughirah ibn Syu'bah, Mu'awiyah dan lain-lain. Beliau menyatakan bahawa ramai para sahabat dan tabi'in mengharuskannya. Bahkan sehingga kini, penduduk Hijaz di Makkah dan Madinah masih mendengarnya terutama pada hari-hari mulia seperti Hari Tashriq sehingga ke masa ini.<sup>27</sup> Tambahan pula, Rasulullah s.a.w mengecualikan beberapa jenis hiburan pada masa perkahwinan dan memberi kemudahan kepada wanita-wanita memukul kompong dalam majlis perkahwinan dan kesukaan.<sup>28</sup>

Golongan fuqaha' yang mengharamkan nyanyian dan muzik melihat bahawa adalah suatu yang lumrah di dalam Syariat Islam mengharamkan perkara yang harus, khasnya kepada perkara yang lazimnya membawa kepada perkara yang tidak sopan yang telah diharamkan seperti pengharaman terhadap khalwat antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim kerana boleh membawa kepada zina.<sup>29</sup>

Ibn Mas'ud, Ibn 'Abbas dan al-Hasan serta al-Nakha'i mentafsirkan *lahwu al-Hadîth* di dalam firman Allah s.w.t:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْتَرِي لَهُ وَالْحَدِيثَ لِيُضَلِّ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ يَغْيِيرُ عِلْمٍ وَيَتَخَذِّلَهَا هُرُوزًا أَوْ لَتِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُهِينٌ

“Dan di antara manusia ada yang membeli cerita kosong untuk menyesatkan orang dari jalan Allah tanpa ilmu pengetahuan dan dijadikan jalan Allah itu olok-olok. Itulah golongan yang mendapat siksaan yang hina”.

(Sûrah Luqmân (31): 6)

sebagai membawa maksud segala apa yang menyesatkan dari jalan Allah seperti nyanyian dan lain-lain hukumnya haram mengikut ijma'.<sup>30</sup> Hal ini disokong oleh hadis Rasulullah s.'a.w iaitu:

عن أبي أمامة قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إن الله قد  
حرم القيمة وبيعها وثمنها وتعليمها واستمعاها. ثم قرأ قوله تعالى:  
وَمِن النَّاسِ مَن يَشْتَرِي هُوَ الْحَدِيثُ... فَقَالَ وَاللَّهُ هُوَ الغَنَاءُ  
وَأَشْبَاهُهُ

"dari Abu Imamah berkata: Rasulullah s.'a.w bersabda: Sesungguhnya Allah telah mengharamkan abdi wanita yang menyanyikan kepada lelaki di majlis arak, penjualannya, harganya, pengajarannya dan mendengar nyanyiannya." Kemudian Baginda membaca firman Allah: Ada di antara manusia yang membeli "lahwa al-Hadīth". Lantas baginda menyatakan: "Demi Allah! Itu adalah nyanyian dan yang seumpama dengannya."<sup>31</sup>

Pihak yang mengharuskan nyanyian dan muzik berhujah dengan hadis di mana Rasulullah s.'a.w menggalakkan 'Aishah supaya melakukan sesuatu majlis perkahwinan Ansar dan bersetuju dua orang abdi wanita menyanyi pada hari raya dan memperluaskannya pada pesta-pesta kesukaan ramai.<sup>32</sup> Begitupun, hujah ini disanggah oleh pihak yang mengharamkannya dengan hujah bahawa nas tersebut adalah keringanan kepada nyanyian pada Hari raya dan perkahwinan dan sebagai suatu pengecualian daripada pengharaman secara total.<sup>33</sup> Penghalalan nyanyian di hari raya merupakan suatu kemudahan kerana Allah lebih mengetahui :

kecenderungan kaum Muslimin untuk bersukaria dengan nikmatnya pada hari raya.

Persoalan yang berkaitan dengan suara ini walau apapun mestilah dengan cara yang baik sama ada menyanyi atau berbicara, tidak boleh memekik-mekik atau meringis seperti kaldai. Di dalam al-Qur'an, suara kaldai dianggap sebagai suara yang paling buruk, iaitu '*ankara al-âswâr*<sup>34</sup>.

Di sebalik pengharaman nyanyian dan muzik oleh golongan yang mengharamkannya, Islam tidak melarang nyanyian dan muzik yang digunakan untuk meningkatkan semangat jihad, untuk mengembirakan dan mengurangkan keletihan dan kepenatan bekerja membina masjid sekolah dan sebagainya. Contohnya seperti nyanyian atau syair yang diucapkan oleh kaum Ansâr dan Muhaçirin sewaktu menggali dan membina parit dalam perang Ahzâb. Sahl Ibnu Sa'ad meriwayatkan, Rasulullah s.'a.w keluar dari rumah, lantas Baginda masuk ke parit di mana kaum muslimin telah berada dan sedang menggali tanah pada pagi hari yang dingin. Pada masa itu, tiada hamba untuk menggantikan mereka bekerja. Ketika baginda melihat mereka telah lapar dan lelah, lalu baginda mendendangkan sebuah syair:

إِنَّ الْعِيشَ عِيشُ الْآخِرَةِ  
فَاغْفِرْ لِلْأَنْصَارِ وَالْمُهَاجِرَةِ

“Wahai Tuhan! Tiada kehidupan kecuali kehidupan akhirat.  
Ampunilah Ansar dan Muhaçirin.”

Lantas semua sahabat menjawab:

نَحْنُ الَّذِي بَأَعْوَى مُحَمَّداً  
عَلَى الْجَهَادِ مَا بَقِيَّا أَبْدَا

*"Kamilah yang menyokong Muhamad, sepanjang hayat kami berjihad."*<sup>35</sup>

Rasulullah s.'a.w juga tidak melarang dan membiarkan dua hamba wanita mendendangkan nyanyian dengan memukul rebana di rumah 'Aishah. Hadis tersebut ialah:

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ أَبَا بَكْرَ دَخَلَ عَلَيْهَا وَعِنْدَهَا جَارِيَاتٍ فِي أَيَّامٍ مِنْ  
تَدْفَقَانٍ وَتَرْبَانٍ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَعَشِّشٌ بِثُوبِهِ فَانْتَهَرَهَا  
أَبُو بَكْرٌ فَكَشَفَ النَّبِيُّ عَنْ وَجْهِهِ فَقَالَ: دَعُوهُمَا يَا أَبَا بَكْرٌ فَانْهَا أَيَّامٌ  
عِيدٌ وَتَلْكَ الأَيَّامِ أَيَّامٌ مِنْ

*"Daripada 'Aishah bahawa Abū Bakar r.'a memasuki rumahnya dan didapati di situ dua wanita hamba sedang memukul rebana. Pada waktu itu Nabi sedang berselimut dengan kain. Lantas Abū Bakar memarahi wanita hamba itu, kemudian baginda s.'a.w membuka selimut pada bahagian mukanya dan bersabda: Biarkan mereka itu wahai Abū Bakar, sekarang adalah hari raya."*<sup>36</sup>

Daripada dalil-dalil dan perbahasan fuqaha' itu, boleh difahami bahawa nyanyian dan muzik dibenarkan jika ianya boleh membawa kebaikan seperti meningkatkan semangat jihad, menghibur bagi menghilangkan kepenatan dan juga lain-lain yang menjamin penyebaran agama dan ke arah pembentukan akhlak yang mulia. Sebaliknya, nyanyian dan muzik diharamkan jika ianya melibatkan

perkara yang haram seperti menimbulkan rasa ghairah dan boleh membawa kepada keruntuhan moral umat Islam.

### 3) Media Elektronik

Pada umumnya, kemunculan media elektronik dan media cetak seperti telivisyen, radio, kaset, video, akhbar, majalah, internet dan sebagainya merupakan kemuncak kepada kemajuan dunia yang dicapai pada hari ini. Jika media tersebut yang melibatkan penyiaran, penerbitan dan percetakan ini dipergunakan untuk kebaikan seperti menyebarkan ilmu pengetahuan, memperkuuhkan akidah Islam, mempertingkatkan kemuliaan budi, mengingatkan generasi Muslim kini dengan keluhuran dan kemuliaan sejarah silam lampau, mengarahkan umat kepada perkara-perkara kebaikan agama dan dunia serta untuk mendidik anak-anak ke arah kebaikan dan kemuliaan, maka ia suatu yang harus digunakan. Manusia perlu mengambil faedah daripadanya. Tetapi apabila ia digunakan untuk menyebarkan keburukan, kecabulan dan penyelewengan di kalangan kanak-kanak, muda-mudi dan dewasa bahkan langsung mengarahkan mereka agar mengikuti segala ajaran dan amalan orang yang bukan Islam maka ia adalah sesuatu yang dilarang dan berdosa.<sup>37</sup>

Dalam bidang penyiaran seperti siaran televisyen kini, pelbagai rancangan menarik dimuatkan sama ada sama ada berupa berita dalam dan luar negeri atau yang berupa hiburan semata-mata seperti drama-drama nyanyian, tari-menari dan

sebagainya atau yang mengandungi pengetahuan seperti siri-siri Sains dan perubatan, rancangan agama yang berbentuk ceramah atau forum; atau yang berupa iklan untuk promosi perniagaan pelbagai jenama seperti sabun, kereta dan sebagainya. Maka semuanya perlu diberi perhatian yang wajar dalam menentukan hukum.

Oleh kerana penilaian hukum berdasarkan kriteria baik atau buruk maka kita sendiri dapat menilai mana-mana rancangan atau siaran yang ada di negara kita . Justeru itu, dapat dikatakan bahawa segala bentuk filem, drama dan sebarang penyiaran di media elektronik seperti televisyen, radio dan lain-lain yang tidak bercanggah dengan tujuan pengharaman iaitu yang termasuk di dalam kriteria yang baik adalah diharuskan seperti segala jenis filem yang bertujuan untuk pendidikan sama ada bercorak agama, rohani mahupun moral kerana tidak terdapat sebarang nas yang jelas mengharamkannya. Manakala segala bentuk filem dan drama yang bercanggah dengan maslahah sebaliknya selaras dengan tujuan pengharaman iaitu yang termasuk di dalam kriteria buruk adalah diharamkan. Umpamanya segala jenis filem yang berbentuk hiburan semata-mata yang menampilkan kerosakan moral dan akhlak manusia dan membelakangi nilai-nilai murni agama. Begitu juga filem, drama, iklan, dan lain-lain yang memperkenan wanita jelita yang mendedahkan aurat untuk menarik minat dan perhatian ramai kerana terdapat dalil yang jelas tentang pengharamannya<sup>38</sup> seperti hadis Nabi s.'a.w:

لَا ضرر و لَا ضرار

*"Tidak ada kemudharatan dan tidak boleh berbuat mudharat."*<sup>39</sup>

Hadir ini merupakan kaedah penting sebagai neraca Islam mengenai suruhan dan larangan dalam hukum Islam. Kaedah ini menjadi asas kepada pengharaman apa sahaja yang mendatangkan mudharat kepada individu, masyarakat dan akhlak. Selain daripada itu, terdapat juga kaedah fiqh yang diterimakan di dalam Islam iaitu سد الذرائع yang bermaksud "menutup pintu kejahatan."<sup>40</sup>

Dengan teknologi terkini juga lahirnya pita rakaman, video dan perisian komputer. Berhubung dengan teknologi ini, perlu diteliti kegunaannya, apakah ia untuk kebaikan ataupun untuk kejahanan? Andaikata ia digunakan untuk kebaikan dan kebijakan seperti memberi kesedaran serta menjaga kebijakan ummah, maka sudah tentu ia akan memberi kesan yang besar terhadap kebaikan dan kebijakan ummah, bahkan boleh membantu pembentukan ummah yang baik dan memajukan umat Islam seluruhnya, agar tidak ketinggalan dalam arus kemodenan. Umpamanya segala perisian komputer yang begitu canggih dewasa ini yang boleh membantu tugas-tugas manusia menjadi lebih sistematik, membantu kepada komunikasi yang lebih berkesan sesuai dengan zaman Teknologi Maklumat (IT) ini diharuskan di dalam Islam jika ia mendatangkan maslahah, bukan kemudharatan kepada manusia. Sebaliknya, jika perisian tersebut digunakan untuk tujuan yang membawa keburukan maka ia dilarang di dalam

Islam. Begitu juga dengan pita rakam, video, VCD yang mengandungi rancangan-rancangan kuliah, pidato-pidato nasihat yang baik, drama-drama sejarah, rancangan pembentukan keluarga mithali kisah-kisah pengajaran, rancangan pelajaran dan sebagainya adalah diharuskan.<sup>41</sup>

#### 4) Seni Sastera

Sebagai makhluk Allah yang istimewa yang diberi daya kreatif sastera mereka juga tertakluk kepada hukum-hukum agama iaitu segala hasil kreatif mereka juga tidak terlepas daripada penilaian agama kerana di dalam Islam, seni sastera juga sama dengan seni-seni yang lain, ada yang baik dan dihalalkan, ada yang buruk dan diharamkan. Ia bergantung kepada isi dan tujuan seni itu dan juga lafaz-lafaznya.

Larangan terhadap sastera jenis ini ialah satu hadis Rasulullah s.a.w iaitu:

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ: بَيْنَمَا نَحْنُ نَسْمِرُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْعَرْجِ إِذْ عَرَضَ شَاعِرٌ يَشْدُدُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ خُنِّنُوا الشَّيْطَانَ وَأَمْسِكُو الشَّيْطَانَ لَا يَمْتَلِئُ حُوفُ رَجُلٍ قِيْحًا خَيْرٌ مِّنْ أَنْ يَمْتَلِئَ  
بالعرج اذ عرض شاعر يشد ف قال رسول الله خننوا الشيطان  
وامسكونا الشيطان لأن يمتلى حوف رجل قيحا خير من أن يمتلى

شعر

“ Dari Abū Sa‘īd al-Khudrī ia berkata: Pada suatu hari kami berjalan bersama-sama Rasulullah s.a.w di kampung ‘Araj, tiba-tiba datang seorang penyair dan terus mendendangkan syairnya. Lantas baginda bersabda: Tangkaplah syaitan itu. Rongga yang

*dipenuhi nanah lebih baik daripada rongga yang dipenuhi syair.*<sup>42</sup>

Dalam mentafsirkan hadis ini, imām Ibn Hajar al-‘Asqalānī menyatakan hadith ini umum sifatnya dan terdapat kekecualian bagi penyair yang rongganya penuh dengan syair-syair memuji Allah atau rasulNya, demikian juga syair yang memuatkan zikrullah dan ajaran-ajaran agama, maka ianya tidak dilarang dan dicela.<sup>43</sup>

Dalam hadis yang lain pula iaitu:

عن أبي هريرة أخبره رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: إن من  
الشعر حكمة

*“ Dari Abū Hurayrah r. ‘a, bahawa Rasulullah s. ‘a.w bersabda: Di  
antara syair-syair ini ada yang mengandungi hikmah... ”<sup>44</sup>*

Hikmah di sini bermaksud ‘perkataan yang benar dan hak’.<sup>45</sup> Hadis ini menjelaskan ada juga syair yang baik iaitu syair yang mengandungi hikmat kebenaran, yang berisi pengajaran agama dan sebagainya, maka hasil kesusasteraan yang berbentuk puisi begini adalah diharuskan dalam Islam.

Abū Hurayrah r.‘a juga pernah meriwayatkan sebuah hadis daripada Rasulullah s.‘a.w:

عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: أشعر كلمة  
تكلمت بها العرب كلمة لبيد: ألا كل شيء ما خلا الله باطل

*"Nabi s.'a.w bersabda: Kalimat yang paling biasa di kalangan orang Arab ialah Ucapan Labid; "Ketahuilah segala yang wujud selain daripada Allah akan musnah."*<sup>46</sup>

Para sasterawan tidak dilarang sama sekali malah digalakkan agar mereka menghasilkan karya yang mengandungi nasihat agama, semangat perjuangan untuk menegakkan kebenaran, keadilan dan menghapuskan kemiskinan dalam masyarakat, lebih-lebih lagi yang mengandungi puji-pujian terhadap Allah s.w.t.

Menggarapkan syair yang baik dan mendengarnya adalah digalakkan. Ini jelas disebut oleh sebuah hadis iaitu:

عَنْ عُمَرِ بْنِ الشَّرِيدِ عَنْ أَبِيهِ قَالَ رَدَفْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا قَالَ هَلْ مَعَكَ مِنَ الشِّعْرِ أُمِيَّةُ ابْنُ الصَّلْتِ شَيْءٌ؟ قَلْتُ نَعَمْ قَالَ هَيْ فَأَنْشَدَهُ بَيْتًا فَقَالَ هَيْ ثُمَّ أَنْشَدَهُ بَيْتًا فَقَالَ هَيْ ثُمَّ أَنْشَدَهُ مَائَةً بَيْتٍ

*"Dari 'Amr bin Syarīd, dari bapanya, ia berkata: Saya menaiki unta di belakang Nabi pada suatu hari. Baginda bertanya kepada saya, Adakah kamu menghafal syair Umayyah ibn Ṣalt? Jawabku: ya. Sabda baginda lagi, silakan. Saya pun membaca sebait. Kemudian baginda meminta lagi, akhirnya saya bacakan kepada baginda sehingga 100 bait."*<sup>47</sup>

Termasuk di dalam kategori ini juga sebagai contohnya ialah syair yang memuatkan puji-pujian kepada Nabi Muhammad s.'a.w seumpama berzanji seperti gubahan al-Busyayrī yang diberi nama 'al-Burdah:

:

هو الحبيب الذي ترجى شفاعته  
 لكل هول من الأحوال مقتحم  
 دعا إلى الله فالمستمسكون به  
 مستمسكون بجعل غير منقصم  
 فاق النبئين في خلق وفي خلق  
 ولم يدانوه في علم ولا كرم  
 وكلهم من رسول الله ملتزم  
 غرفا من البحر أو رشقا من السماء

*"Dia kekasih pembawa syafa`at diharapkan,  
 dapat menghapuskan segala bahaya mendatang, dia menyeru ke  
 jalan Allah, barangsiapa yang mengikutnya,  
 bererti ia berpegang kepada tali yang teguh.  
 Baginda mengatasi para anbiya', dalam kejadian dan akhlaknya.  
 Ilmu dan kemurahan baginda tiada bandingannya,  
 Semangkuk laut setitik hujan  
 Para rasul memerlukannya."<sup>48</sup>*

Dari seni jelas bahawa seni sastera sama ada syair, sajak, lirik lagu, cerpen dan sebagainya diharuskan di dalam Islam dengan syarat isi dan tujuan seninya ke arah kebaikan, bukan membawa kepada keburukan.

### **Kesimpulan:**

Meneliti perbincangan secara ringkas mengenai konsep seni di dalam Islam, menjelaskan kepada kita bahawa asas pengiktirafan sesuatu itu sama ada

halal atau haram ialah sama ada ianya membawa kebaikan atau keburukan kepada masyarakat. Mana-mana karya yang membawa kebaikan, maka ianya halal dan harus di sisi Syarak dan begitulah sebaliknya. Menjaga kebaikan adalah objektif Syarak. Setiap karya seni mesti dilihat terlebih dahulu kepada motif dan kesannya bagi menentukan halal atau haram. Lantaran itu, tidak semua karya seni yang diharuskan Syarak.

Rentetan daripada itu, boleh dirumuskan bahawa karya-karya yang termasuk di dalam kategori hakcipta secara umumnya adalah harus di sisi Syarak. Ertinya ia boleh diiktiraf sebagai **harta yang bernilai** di sisi Syarak dan harus dimanfaatkan. Ini sejajar dengan kaedah fiqh الأصل في الأشياء الإباحة yang bermaksud: “*Asal kepada sesuatu itu ialah harus.*”<sup>49</sup> Namun, hukum asal ini boleh berubah jika ianya bertentangan dengan nas-nas Syarak seperti hadis Rasulullah s. a.w:

لَا ضرر وَلَا ضرار

“*Tidak ada kemudharatan dan tidak boleh berbuat mudharat.*”<sup>50</sup>

Undang-undang hakcipta yang ada sekarang ialah undang-undang yang berdasarkan undang-undang Inggeris. Oleh itu, semua karya hakcipta diiktiraf oleh undang-undang sama ada ianya membawa kebaikan atau keburukan. Ternyata ia berbeza dengan ketetapan Syarak kerana Syarak hanya mengiktiraf karya-karya yang berdasarkan tauhid dan membawa kebaikan kepada manusia. Contohnya, Islam menolak nyanyian dan muzik yang boleh membawa kepada keruntuhan

moral muda-mudi dan menjatuhkan imej Islam tetapi ia menerima karya tersebut jika boleh menanamkan semangat cintakan Allah dan jihad dalam diri manusia. Justeru itu, karya-karya hakcipta yang boleh diiktiraf Syarak sebagai harta yang bernilai dan boleh dimanfaatkan hanyalah karya yang membawa kebaikan kepada masyarakat dan menepati kehendak Syarak. Penilaian boleh dibuat oleh masyarakat sendiri terhadap karya-karya hakcipta yang diiktiraf oleh undang-undang berdasarkan kriteria baik dan buruk tertakluk kepada pertunjuk dari Allah s.w.t, bukan hawa nafsu dan akal semata-mata.

Jika kita tinjau pandangan Imām Syāfi‘ī dan beberapa orang fuqaha’ yang sependapat dengannya, apabila sesuatu harta itu diharamkan, maka ia adalah harta yang tidak bernilai di sisi orang Islam mahupun orang bukan Islam. Namun kebanyakan fuqaha’ mengiktiraf harta yang haram di sisi orang Islam sebagai halal di sisi orang bukan Islam. Oleh itu, hakcipta diiktiraf oleh Syarak selagi mana ianya tidak bercanggah dengan Syarak walaupun tidak pernah diperbincangkan secara langsung oleh para fuqaha’ klasik. Untuk memastikan bahawa ianya tidak bercanggah dengan Syarak, kajian dari semasa ke semasa perlu dibuat bagi memastikan karya-karya yang dihasilkan tidak membawa keburukan. Mana-mana karya yang membawa kepada keburukan perlu dihapuskan oleh pihak berkuasa dan tindakan sebegini tidak menjadi satu kesalahan di sisi Syarak.

Penerimaan hakcipta ini sejajar dengan konsep harta di dalam Islam sendiri yang terlalu luas sebenarnya, berkembang seiring dengan perkembangan zaman dan keperluan semasa. Begitupun, beberapa pengubahsuaian perlu dilakukan terhadap karya-karya hakcipta agar semuanya tidak bercanggah dengan ketetapan dan kehendak Syarak. Mana-mana karya yang bercanggah terpaksa ditolak agar selaras dengan syariat Islam.

### **3.2 Asas-asas ke arah Penerimaan Hakcipta di dalam Islam.**

Perubahan cara hidup dan budaya serta keperluan manusia dalam kehidupan masyarakat mendapat tempat yang sewajarnya dalam penggubalan hukum Islam. Ini kerana perubahan yang berlaku adalah manifestasi kepada perubahan yang secara tabi'i berlaku dalam kehidupan manusia. Perubahan ini bukan sahaja terhenti kepada persoalan tertentu, namun ianya merangkumi seluruh aspek kehidupan. Dan Islam sebagai agama fitrah turut mengakui fenomena kerana perubahan kehidupan menghendaki perubahan undang-undang yang mengatur kehidupan itu, bagi menjamin keserasian antara undang-undang yang mengatur dengan manusia sebagai subjek perlaksanaan tersebut. Oleh itu, hakcipta boleh diiktiraf sebagai harta di dalam Islam walaupun tidak disebut secara langsung oleh nas sekiranya tidak bertentangan dengan kehendak Syarak yang bermatlamatkan untuk membawa kebaikan kepada manusia sejagat. Ertinya, hakcipta dan undang-undang yang dikuatkuasakan sekarang ini walaupun berdasarkan undang-undang Inggeris masih diterima dalam Islam dengan syarat

beberapa pengubahsuaian dilakukan bagi menepati kehendak Syarak. Ini kerana Islam mengiktiraf nilai tetap dan nilai keanjalan dalam persyariatan hukum Islam di samping mengiktiraf doktrin *siyāsah syar'iyyah* yang berasaskan maslahah semasa. Dengan itu, hukum Islam mampu menyaingi persoalan semasa.

### 3.2.1 Hukum Islam: Hubungannya dengan Konsep *al-Thabāt* dan *al-Taghayyur*.

Sesungguhnya, kalau diimbas kembali kepada sejarah persyariatan hukum Islam, terdapat beberapa nilai dan prinsip yang diterima sebagai nilai yang sentiasa tetap dan tidak berubah walaupun dengan perubahan dan peredaran masa yang berlalu. Prinsip-prinsip demikian biasanya berhubung kait dengan asas-asas ibadat, persoalan akidah dan keimanan, asas-asas akhlak dan seumpamanya yang menjadi mesej perutusan seluruh para Rasul untuk membawa rahmat ke seluruh alam. Allah s.w.t berfirman:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

“Tidak kami utuskan engkau kecuali untuk membawa rahmat ke seluruh alam.”

(Surah al-Anbiya' (21):107)

Ayat ini jelas menunjukkan peranan perutusan rasul menyampaikan segala persyariatan Allah untuk membawa rahmat ke seluruh alam, bukan membawa kemudharatan dan kemasuhan.

Syariat Islam memperakui kewujudan beberapa nilai asas dan prinsip yang tetap dan tidak berubah, sebagaimana firman Allah s.w.t:

\* شَرَعَ لَكُم مِّنَ الْدِينِ مَا وَصَّنِي بِهِ نُوحًا وَالذِّي أَوْحَيْنَا إِلَيْكُمْ وَمَا  
وَصَّنِي بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الْدِينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ<sup>50</sup>

*“ Dia telah mensyariatkan bagi kamu tentang agama apa yang telah diwasiatkanNya kepada Nuh dan apa yang telah kami wahyukan kepadamu dan apa yang telah kami wasiatkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa iaitu: Tegakkanlah agama dan janganlah kamu berpecah belah tentangnya.”*

(al-Syūra(42): 13)

Di sebalik kewujudan nilai-nilai asas dan prinsip yang tetap, Islam juga memperakui nilai-nilai yang fleksibel dan boleh berubah mengikut keperluan masa dan suasana. Nilai keanjalan ini jelas dikemukakan berdasarkan dasar-dasar berikut<sup>51</sup>:

- 1) Tidak mendatangkan nas hukum secara langsung untuk semua perkara. Ia bertujuan untuk membuka ruang berijtihad kepada umat Islam dengan berdasarkan kaedah dan prinsip asas dalam penggubalan hukum. Dalam suasana begini, realiti kehidupan masyarakat dan kemaslahatannya akan diberikan perhatian dalam membuat kesimpulan hukum.

:

- 2) Penetapan hukum yang dibuat kebanyakannya berdasarkan kepada kaedah-kedah umum dan pinsip-prinsip menyeluruh yang banyak memberikan ruang yang fleksibel kepada melayani kehendak perubahan masa dan keperluan masyarakat . Inilah yang dimaksudkan oleh kaedah fiqh yang berbunyi:

لَا ينکر تغیر الأحكام بـتغیر الزمان

“ Tidak boleh dinafi atau diengkari perubahan sesutu hukum kerana perubahan masa.”<sup>52</sup>

- 3) Mengemukakan kaedah “*ta'līl al-nusūṣ*” bagi memberi laluan kepada para mujtahid melebarkan jangkauan hukum pada perkara-perkara yang mempunyai sebab hukum yang sama pada bila-bila masa sekalipun. Sebab itu, para fuqaha’ telah merumuskan satu kaedah<sup>53</sup> iaitu

الحکم يدور مع عنته وجوداً وعديماً

“Peredaran hukum bergantung kepada illahnya, di mana wujudnya ‘illah akan sabitlah hukum dan begitulah sebaliknya.’ ”

Prinsip tetap dan aspek fleksibiliti ini menjadikan Syariat Islam mampu beroperasi di sepanjang zaman dan dalam semua keadaan. Sejarah telah membuktikan bahawa syariat Islam berkembang mengikut perkembangan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat dan perbendaharaan hukumnya bertambah dari semasa ke semasa.

Realiti yang berlaku dalam kehidupan manusia memperlihatkan bahawa isu yang timbul dalam masyarakat sentiasa bertambah dan berkembang sejajar dengan perkembangan yang berlaku dalam masyarakat. Rentetan daripada itu, suasana dan maslahah yang melingkungi kehidupan manusia turut berubah. Pendek kata, peredaran zaman yang yang berlaku dalam kehidupan manusia telah secara langsung membawa perubahan pada cara hidup dan budaya mereka. Ibn Khaldūn<sup>54</sup> ada menyebut:

*“ Sesungguhnya keadaan dunia dan umatnya serta adat istiadat dan amalan tradisi mereka tidak kekal dalam satu bentuk dan satu gelombang. Bahkan ianya turut berubah mengikut perubahan masa dan keadaan sama ada pada individu manusia sendiri ataupun tempat tinggal mereka. Begitulah realiti perubahan yang akan berlaku pada semua masa dan tempat.”*

Oleh yang demikian, kaedah ketetapan (*al-thabāt*) dan perubahan (*al-taghayyur*) ialah dua kaedah yang tidak dapat disangkal peranannya dalam masyarakat. Sehubungan dengan itu, Syariat Islam sendiri turut menerima pakai kaedah tersebut bagi membuktikan bahawa ianya layak untuk dipakai sepanjang zaman kerana penerimaannya terhadap unsur perubahan yang berlaku dalam masyarakat selagi mana ianya tidak melanggar prinsip-prinsip asas Islam.

Kaedah seumpama ini boleh digunakan bagi menentukan penerimaan hakcipta ke dalam ruang lingkup harta di dalam Islam. Sebagai suatu isu yang baru yang tidak pernah disentuh secara langsung dalam perbincangan para fuqaha' klasik, sudah tentu menimbulkan kecacatan kepada hukum Islam yang dikatakan sebagai mampu menangani persoalan semasa, jika ianya tidak dapat

menyelesaikan persoalan mengenai hakcipta pada masa kini. Melihat kepada keperluan dan maslahah yang ada pada hakcipta, ia boleh diterima oleh Islam selagi mana ianya tidak bercanggah dengan Syarak.

Berhubung dengan isu hakcipta ini, ada beberapa prinsip umum yang boleh dikaitkan. Antaranya ialah firman Allah s.w.t di dalam surah al-Nahl, ayat 90:

\* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ

“ Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan...”

Begitu juga dengan firman Allah di dalam surah al-nisa', ayat 58:

وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

“Apabila kamu menghukum sesama manusia, hendaklah berlaku adil”.

Ayat-ayat di atas ialah contoh Allah s.w.t menetapkan kaedah yang boleh diaplikasikan pada isu hakcipta iaitu kaedah menetapkan kewajipan berlaku adil dalam kehidupan manusia termasuk perhukuman. Kaedah ini merupakan suatu yang tetap dan tidak berubah sampai bila-bila masa. Namun dalam menentukan sejauhmanakah prinsip keadilan itu boleh dicapai, terletak kepada budi bicara pemerintah untuk menentukannya sama ada dari segi penguatkuasaan undang-undang, penentuan bentuk-bentuk keadilan, penetapan prosedur dan sebagainya.

Dalam erti kata lain, Syarak hanya memperincikan konsep dan matlamat asas, namun pemilihan kaedah pencapaian konsep tersebut diserahkan pada budi bicara manusia yang memberi ruang kepada mereka untuk memilih uslub dan kaedah yang sesuai dengan situasi dan realiti yang wujud.

### 3.2.2 Siyāsah Syar'iyyah dalam Pemerintahan Negara

Penguraian konsep *al-thabāt* dan *al-taghayur* di atas menjelaskan kepada kita bahawa ketetapan prinsip asas hukum Islam adalah dari Allah s.w.t. Manakala kaedah ke arah perlaksanaan dan pencapaian konsep tersebut pula terletak kepada budi bicara pemerintah. Di sini menunjukkan pentingnya peranan pemerintah untuk mengadaptasikan Syariat Allah agar sesuai dengan suasana dan keperluan semasa tanpa meninggalkan prinsip asas yang ditetapkan.

Dalam melakukan tanggungjawab pemerintahan ini, pemerintah negara Islam dide dahakan dengan konsep *siyāsah syar'iyyah*. Dalam bahasa Arab, *siyāsah* bererti melakukan kebaikan untuk sesuatu.<sup>55</sup> Al-Maqrizi<sup>56</sup> kemudiannya menyatakan bahawa pengertian ini dikembangkan sehingga bererti apa sahaja peraturan yang bertujuan untuk menjaga tata susila, kepentingan dan sistem hidup. Definisi ini menggambarkan bahawa *siyāsah syar'iyyah* sebagai satu konsep yang luas. Lantaran itu, *siyāsah syar'iyyah* difahami oleh sesetengah penulis sebagai pemikiran tentang politik dan pentadbiran negara Islam secara umum, iaitu satu istilah yang sama erti ny dengan *Ahkām Sultāniyah*<sup>57</sup> dan *Nizām al-Hukm*.<sup>58</sup>

Begitupun, fuqaha' *siyāsah syar'iyyah* memahaminya dengan maksud lain.

Menurut mereka sebagaimana yang disebut oleh 'Abd al-Wahhab Khallaf,<sup>59</sup> *siyāsah syar'iyyah* membawa maksud kelonggaran bagi pemerintah melakukan apa sahaja yang boleh membawa kebaikan selagi ianya tidak bertentangan dengan prinsip agama walaupun tiada dalil-dalil khusus yang membolehkan ia dilakukan.

Seterusnya, al-Zayla'i di dalam bukunya *al-Bahr al-Rā'iq*<sup>60</sup> menyebut bahawa *siyāsah syar'iyyah* bermakna langkah yang diambil oleh pemerintah berdasarkan kepentingan yang dirasakannya walaupun tidak berdasarkan dalil tertentu. Ibn 'Uqayl<sup>61</sup> juga menyebut bahawa *siyāsah* ialah tindakan yang boleh menjamin kepentingan orang ramai dan menjauhkan keburukan walaupun tiada hadis Rasulullah s.a.w atau wahyu Allah tentangnya. Di samping itu, Fathī 'Uthmān<sup>62</sup> dalam penghuraianya mengenai *siyāsah syar'iyyah* telah menyatakan:

"Para fuqaha' akan berijtihad memahami sumber-sumber hukum ini, melakukan *ta'wil*, kompromi, menentukan yang mutlak dan *muqayyad*, umum dan khusus serta *nāsikh* dan *mansūkh* antara dalil-dalil berkenaan. Begitu juga, para fuqaha' akan berijtihad menentukan hukum-hukum yang tidak dinaskan oleh *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* berdasarkan ianya tidak bertentangan dengan mana-mana nas yang ada dan ianya boleh mencapai objektif *syari'ah* dan prinsip-prinsip umumnya. Secara umumnya, ijtihad berkenaan akan berbeza-beza mengikui perbezaan penilaian, hasil daripada perbezaan cara berfikir antara individu dalam keadaan dan zaman yang berbeza-beza. Ibn al-Qayyim dalam bukunya *I'lām al-Muwaqqi'in* telah menonjolkan kaedah fiqh yang penting tentang perubahan dan perbezaan fatwa berdasarkan perubahan zaman, tempat, keadaan, niat dan faedah. Beliau menjelaskan bagaimana kesilapan besar berlaku terhadap syariat kerana kejahilan terhadap kaedah berkenaan. Penegasan yang sama juga telah dibuat oleh al-Syāfi'i dalam *al-Muwāfaqāt*. Para fuqaha'

*menamakan ijihad dalam menangani persoalan-persoalan baru bagi negara Islam sebagai siyāsah syar`iyyah.”*

Jadi, apa yang difahami daripada pandangan fuqaha' *siyāsah* ini ialah lebih kepada metod penentuan hukum. Ia berkait rapat dengan budi bicara pemerintah dalam sesebuah negara atau badan-badan di bawah pentadbirannya membuat keputusan atau mengambil langkah yang dikira berfaedah untuk kepentingan umum walaupun pada zahirnya tidak berdasarkan kepada mana-mana nas dari al-Qur'an atau al-Sunnah. Penggunaan *siyāsah syar`iyyah* dalam pemerintahan ternyata diterima oleh semua imam mazhab. Ini diakui oleh salah seorang tokoh mazhab Hanbali iaitu Ibn 'Uqayl sebagaimana yang dinukilkhan oleh Ibn Qayyim di dalam *al-Turūq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Syar`iyyah*.<sup>63</sup>

*Siyāsah* walaupun pada zahirnya ialah satu istilah yang tersendiri, tetapi pada hakikatnya ia merupakan asas kepada keadilan Allah dan Rasul-Nya yang dapat difahami daripada tanda-tanda dan gejala yang ada.<sup>64</sup> Ia adalah sebahagian daripada syari'at lantaran tujuannya adalah untuk melaksanakan kebaikan kepada seluruh umat manusia.

Mengimbasi kembali sejarah Islam, pelbagai langkah telah diambil oleh para pemerintah Islam sejak zaman-berzaman walaupun tiada dalil nas yang jelas mengenainya. Sebagai contohnya<sup>65</sup> ialah tindakan Abū Bakar r.'a menetapkan Saidina 'Umar al-Khaṭṭāb sebagai penggantinya dan perlantikan enam anggota majlis perunding bagi menentukan khalifah selepas 'Umar al-Khaṭṭāb. Begitu juga

dengan tindakan yang diambil oleh 'Umar untuk membakar kedai arak dan kampung yang menjual arak di samping beliau melarang para sahabat daripada terlalu banyak meriwayatkan hadis kerana takut tersilap dan berlaku pembongkaran terhadap Rasulullah s.'a.w.

'Uthmān juga pernah berijtihad lalu menambah satu lagi azan bagi fardu Jumaat untuk menjadikannya dua kali. Hal ini tidak berlaku pada zaman Rasulullah s.'a.w dan para khalifah sebelumnya. Ijtihad beliau ini berdasarkan kepada kepentingan orang ramai memandangkan penduduk telah begitu ramai dan banyak rumah yang didirikan jauh daripada masjid.<sup>66</sup>

Tindakan-tindakan yang diambil oleh para pemerintah Islam terdahulu ini telah dapat menjamin kepentingan masyarakat sepenuhnya dan menjadikan hukum dan peraturan Islam mampu menyaingi perubahan zaman dan keadaan. Hasilnya, tiada siapa yang akan terkilan dengan kemampuan Islam dan kesediaannya menjawab segala cabaran, apalagi merasa perlu kepada suatu peraturan lain.

Nyatalah bahawa doktrin *siyāsah syar` iyyah* ini boleh menjadi asas kepada penerimaan hakcipta di dalam Islam. Para pemerintah diharuskan untuk membuat pelbagai peraturan dan undang-undang yang baru walaupun tiada dijelaskan oleh nas dengan jelas demi untuk kepentingan masyarakat. Walaupun pada hakikatnya hakcipta merupakan undang-undang yang diambil dari Barat, itu tidak menjadi

halangan untuk Islam menerima lantaran manfaat dan sumbangannya begitu besar kepada individu, masyarakat dan negara. Begitupun, penerimaan ini mestilah dengan sedikit pengubahsuaian iaitu mengubah mana-mana peraturan dan syarat yang bertentangan dengan menjadikannya bertepatan dengan kehendak Syarak.

Hakikatnya, mengambil faedah dan ide daripada orang-orang bukan Islam dalam bidang pentadbiran dan pemerintahan juga adalah sebahagian daripada bentuk *siyāsah syar`iyyah* selagi mana ianya boleh menghasilkan keadilan dan menjamin kepentingan orang ramai serta tidak pula bertentangan dengan mana-mana nas Syarak sama ada secara khusus atau secara umum. Ini diakui oleh Fathī `Uthmān di dalam penulisannya di samping merujuk kepada tindakan 'Umar memperbaharui kaedah pentadbiran negara berdasarkan pengalaman baru yang diperolehi dari jajahan-jajahan yang baru ditakluki oleh tentera-tentera Islam pada waktu itu sebagai contoh.<sup>67</sup> Dr. Yusuf al-Qaradawī juga turut menegaskan bahawa orang Islam boleh mengambil apa-apa panduan pemikiran dan apa-apa yang dilakukan sebagai garis panduan daripada orang-orang bukan Islam memandangkan bahawa Nabi Muhammad s. a.w sendiri pernah memanfaatkan tawanan orang-orang Musyrikin dalam perang Badar yang tahu membaca dan menulis untuk mengajar anak-anak orang Islam. Dalam peperangan Ahzāb pula, Nabi s. a.w menerima pandangan Salmān al-Farisi untuk menggali lubang yang dalam bagi menentang musuh Islam dan langkah itu adalah salah satu daripada

langkah orang-orang Farsi.<sup>68</sup> 'Abd al-Wahhab Khallaf<sup>69</sup> juga ada menyebut bahawa:

*"Sebenarnya tidak ada halangan Syarak untuk mengambil apa sahaja langkah yang boleh menolak kemudharatan dan melahirkan kepentingan dalam apa sahaja urusan negara selagi ianya tidak terkeluar dari batas-batas Syarak dan kaedah-kaedah umumnya."*

Sebagaimana yang disebutkan tadi, hakcipta dan undang-undangnya yang diaplikasikan di Malaysia kini boleh diterima berdasarkan doktrin *siyāsah syar'iyyah* ini tetapi cuma setakat mana yang tidak bercanggah dengan Syarak. Ini bermakna, dalam penggunaan doktrin ini, pemerintah Islam atau fuqaha' perlu berhati-hati agar tidak keterlaluan dalam menerima atau menolak pemakaianya dalam urusan pemerintahan. Kalau tidak memberikan penilaian terhadap doktrin ini sewaktu mengendalikan pemerintahan negara, ia dikira sebagai tidak berlaku adil tetapi kalau keterlaluan menggunakan sehingga melampaui batas-batas Syarak, ia juga terjerumus ke lembah kezaliman dan kemungkarhan. Peringatan ini perlu kerana *siyāsah* terbahagi kepada dua iaitu *siyāsah* yang adil (*syar'iyyah*) dan *siyāsah* yang zalim (*ghair syar'iyyah*). 'Alā' al-Dīn al-Tarābulī ada menegaskan mengenai perkara ini iaitu:

*"Siyāsah itu terbahagi kepada dua. Pertamanya siyāsah yang zalim dan diharamkan oleh syariat. Keduanya siyāsah yang adil yang boleh menafikan hak daripada orang zalim, menghalang berlakunya kezaliman, menghindari kemungkarhan dan yang boleh menjadi jalan ke arah pencapaian objektif syari'at bagi umat manusia. Kerana itu siyāsah yang syar'iyyah perlu diterima dan dijadikan asas dalam menegakkan hak. Bagaimanapun ia adalah suatu gelanggang yang luas dan mengelirukan."*

*Bersikap negatif terhadap siyāsah syar`iyah boleh menghilangkan dan menghalang kelancaran undang-undang serta peraturan. Ia juga boleh menjadikan orang jahat lebih berani dan selesa. Sementara bersikap terlalu longgar dalam menggunakan pula boleh menyebabkan berlaku kezaliman, pertumpahan darah dan pengambilan harta secara tidak syar`i.*

*Kerana itu terdapat satu golongan yang bersikap terlalu ketat yang tidak sepatutnya. Dengan itu, mereka tidak mengambil kira siyāsah syar`iyah ini kecuali amat sedikit sekali dengan anggapan bahawa pengamalannya bertentangan dengan kaedah Syarak. Hasilnya, mereka telah menutup jalan dengan begitu jelas ke arah kebenaran dan membuka jalan ke arah keburukan dengan jelas. Ini kerana penolakan terhadap siyāsah syar`iyah bererti penolakan terhadap nas-nas Syarak dan bersikap memandang serong terhadap para Khalifah al-Rashidin.*

*Satu golongan lagi mengamalkan siyāsah dengan begitu boros sekali sehingga melampaui batas dan keluar dari undang-undang syariat menuju kezaliman dan rekaan politik. Mereka menyangka bahawa siyāsah syar`iyah tidak mampu menjamin hak dan kepentingan ummah, iaitulah suatu kejahilan dan kekeliruan yang nyata.*

*Satu golongan lain pula bersikap sederhana. Mereka memilih jalan yang betul dengan melakukan kompromi antara siyāsah dan syari`at. Dengan itu, mereka berjaya membanteras kebatilan dan menegakkan serta membantu Syarak.<sup>70</sup>*

Pemakaian doktrin *siyāsah syar`iyah* dalam konteks penerimaan hakcipta di Malaysia dapat menghapuskan tanggapan salah sesetengah pihak bahawa undang-undang Islam terlalu konservatif dan terhad kepada pandangan fuqaha' lampau tanpa mengira perbezaan zaman dan keadaan. Dengan ini pemerintah negara lebih berminat mengambil kira menyaingi peredaran zaman dan menjaga kepentingan, semasa dengan mengadakan undang-undang dan

peraturan yang sesuai dengan objektif berkenaan walaupun ada yang bertentangan dengan Syarak. Sebenarnya kita berhak untuk mengadakan undang-undang atau mengambil panduan daripada mana-mana undang-undang di dunia ini tetapi mestilah ianya menepati kehendak Syarak.

### 3.2.3 Konsep Maslahah dalam Perundangan.

Perbincangan sebelum ini menunjukkan bahawa pentingnya penggunaan doktrin *siyāsah syar`iyyah* dalam pemerintahan negara bagi memastikan hukum Islam seiring dalam menyaingi keperluan semasa. Berasaskan doktrin ini juga, maka pemerintah boleh menerima pandangan daripada orang bukan Islam atau mengambil manfaat daripada perundangan orang bukan Islam demi untuk mencapai keadilan dalam masyarakat. Namun begitu, keharusan ini tertakluk kepada sejauhmana ianya tidak bertentangan dengan Syarak.

Sebenarnya, doktrin ini adalah berdasarkan kepada kepentingan umum yang diistilahkan oleh fuqaha' sebagai *māṣilīh mursalāh* iaitu kepentingan-kepentingan yang tidak diperakui secara jelas dan tidak pula dipertidakkannya secara jelas oleh al-Qur'an dan al-Sunnah. Oleh itu, 'Abd al-Wahhāb Khallāf membuat kesimpulan bahawa pada pandangan para fuqaha' *siyāsah syar'iyyah* sebenarnya menggunakan *māṣilīh mursalāh*<sup>71</sup> dalam menentukan hukum sebagaimana yang diuraikan oleh para ulama' *Uṣūl Fiqh*. Kata beliau:

*"Siyāsah syar'iyyah ialah beramal dengan maṣāliḥ mursalah. Kerana maṣāliḥ mursalah ialah sesuatu yang tidak diterima atau ditolak oleh mana-mana dalil secara khusus."*<sup>72</sup>

Persoalan *maṣāliḥ mursalah* ini telah menimbulkan perbezaan pendapat di kalangan fuqaha' tetapi mereka bersepakat bahawa maslahah merupakan salah satu daripada tujuan Syarak.<sup>73</sup> Muhammad Sa'īd Ramadān al-Butīy, ulama' kontemporari dan penulis terkenal di Timur Tengah menyatakan bahawa pembinaan hukum Syarak atas dasar *istislāh* sudah menjadi perkara sepakat sejak zaman sahabat hingga ke imam-imam Mazhab, sama ada dengan memakai nama *Istislāh, ijtihād, qiyās, al-istihsān*, atau *'urf*.<sup>74</sup>

Autoriti maslahah sebagai asas dalam penerimaan hukum Islam di samping pemakaian doktrin *siyāsah syar'iyyah* menjadi asas utama kepada pemerintah untuk menerima hakcipta sebagai satu harta yang sewajarnya diberikan perlindungan undang-undang. Hakcipta mempunyai maslahahnya yang tersendiri dan kemudharatan mungkin menimpa masyarakat jika ia tidak dikawal daripada dieksplorasi dengan sewenang-wenangnya.

Sewajarnyalah kita mengambil contoh pengamalan konsep maslahah oleh para fuqaha' zaman sahabat dan tabi'in. Sebagai contohnya, Abū Bakar r.'a sebagai khalifah pertama dalam kerajaan Islam telah berwasiat supaya 'Umar ibn al-Khaṭṭab r.'a menggantikannya. Tetapi khalifah 'Umar r.'a kemudiannya tidak menentukan khalifah selepasnya kerana berdasarkan maslahah. Pada masa Abū

Bakar, perpecahan umat Islam mungkin berlaku kalau pemilihan khalifah diserahkan kepada pendapat umum. Manakala pada akhir pemerintahan 'Umar, keadaan politik dan sosial sudah stabil. Jadi umat Islam menggunakan maslahah dalam memilih khalifah mereka sendiri.<sup>75</sup>

'Uthmān Ibn 'Affān pula mengeluarkan fatwa supaya dikenakan zakat kuda<sup>76</sup>. Beliau berpendapat bahawa di zaman Rasulullah s.'a.w tidak banyak kuda dan sangat mustahak pula untuk peperangan. Oleh sebab itu tidak diwajibkan zakat kuda. Sementara itu, pada masa beliau memerintah, didapati kuda sudah banyak dan dijadikan barang perniagaan. Oleh sebab itu beliau mengeluarkan fatwa supaya dikeluarkan zakat kuda demi maslahah semasa.

Sementara itu, semasa pemerintahan khalifah Islam yang keempat iaitu Saidina 'Alī r.'a, beliau mendapati masyarakat pada masa itu sangat memerlukan para tukang. Oleh kerana terdapat di antara tukang-tukang tersebut selalu menyembunyikan barang-barang yang diupah menyiapkannya, Saidina 'Alī r.'a mengeluarkan hukum *tadmīn al-sunnā* iaitu mengenakan gantirugi ke atas tukang terhadap barang yang mereka dakwa telah rosak apabila mereka gagal membuktikan yang kerosakan itu bukan dengan sebab mereka. Hukum baru ini dikuatkuasakan kerana maslahah masyarakat.<sup>77</sup>

Demikian juga yang telah dilakukan para tabi'in. Khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Aziz sebagai contohnya telah mewujudkan jawatan mufti sehingga

ianya berterusan sampai ke hari ini.<sup>78</sup> Beliau jugalah orangnya yang memerintahkan supaya didirikan khanat atau rumah-rumah tumpangan di pertengahan jalan Khurasan sebagai kemudahan kepada musafir.<sup>79</sup> Segala yang dilakukan ini semata-mata kerana maslahah. Seterusnya, pada akhir zaman tabi'i in, ulama telah mengumpul dan membukukan hadis. Langkah ini diambil bagi memelihara Sunnah Rasulullah s.a.w dan menyekat usaha jahat golongan fasiq dan orang-orang yang tidak bertanggungjawab.<sup>80</sup>

Kalau dilihat kepada Imam-Imam Mazhab seperti Imām Syafī'ī, Imām Hanafī, Imām Hanbali dan Imām Mālikī, mereka juga banyak menerima pakai konsep maslahah ini dalam perundangan. Malah Imām Mālik dikenali sebagai tokoh utama ulama yang menjadikan *Masālih Mursalah* sebagai sumber hukum. Di antara fatwa beliau yang berasaskan sumber ini ialah harus bagi pemimpin yang adil mewajibkan ke atas para hartawan mengeluarkan wang sebanyak yang mencukupi ketika diperlukan oleh tentera-tentera semasa Baitul māl tidak dapat menampung keperluan itu.<sup>81</sup> Tokoh kedua selepas Imām Mālik ialah Imām Hanbali.<sup>82</sup> Beliau banyak berfatwa berdasarkan maslahah. Antaranya ialah peminum arak pada siang hari Ramadan hendaklah diberatkan lagi hadnya daripada biasa.<sup>83</sup>

Imām Syafī'ī sendiri walaupun tidak mengiktiraf secara langsung penerimaan *masālih mursalah* sebagai sumber hukum, tetapi banyak berfatwa berdasarkan maslahah dan dikatakan melalui qias. Di dalam kitab *al-Umm*, beliau

berfatwa bahawa seseorang yang bersaksi ke atas lelaki bahawa beliau telah menceraikan isterinya dengan talak tiga dan ekoran daripada itu, hakim telah memisahkan pasangan tersebut, jika kemudiannya mereka telah menarik balik kesaksian tersebut, hakim mesti mengenakan denda sebanyak *Sadaq mithil* jika sudah disetubuhi. Jika belum, didenda dengan separuh *sadaq mithil*.<sup>84</sup> Fatwa itu berdasarkan maslahah untuk mengelak daripada tipu helah saksi bohong.

Contoh-contoh di atas jelas membuktikan pemakaian konsep maslahah dalam pembinaan hukum agar relevan dengan keperluan semasa. Hakikatnya, sesuatu peraturan baru boleh diadakan demi untuk mencapai maslahah tertentu walaupun tiada dalil yang khusus dan tidak pernah diperbincangkan ulama klasik. Ini bertepatan pula dengan satu kaedah fiqh iaitu:

تصریف الامام علی الرعیة منوط بالصلحة

“*Tindak tanduk pemimpin terhadap rakyatnya (masyarakat) hendaklah berdasarkan maslahah.*”<sup>85</sup>

Prinsip ini patut dijadikan asas dalam pemerintahan negara bagi menjamin keadilan dan keharmonian sesuatu masyarakat.

Kaedah ini juga menjadi asas utama ke arah penerimaan hakcipta di dalam Islam walaupun pada asalnya berdasarkan undang-undang Inggeris bagi memastikan keadilan wujud di Malaysia. Isu hakcipta semakin hangat dalam era Teknologi Maklumat terutama masalah cetak rompak dan intelek Islam patut

menampilkan diri memberikan jalan penyelesaian agar tidak dikatakan sebagai konservatif. Begitupun, undang-undang yang hendak diaplikasikan berasaskan maslahah ini mestilah memenuhi syarat-syarat maslahah.<sup>86</sup>

- 1) Maslahah yang diyakini
- 2) Maslahah yang tiada penegasan Syarak menolaknya.
- 3) Maslahah umum.
- 4) Maslahah yang diterima akal.
- 5) Maslahah itu dapat menolak kerumitan yang pasti

Syarat-syarat ini mesti dipatuhi agar maslahah adalah mengikut tujuan dan kaca mata Syarak, bukan kaca mata manusia.<sup>87</sup> Ini kerana kadang-kadang manusia itu menganggap sesuatu itu manfaat tetapi sebenarnya pada pandangan Syarak ia adalah mafsadah dan begitulah sebaliknya. Allah berfirman iaitu:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَن تَكْرَهُوا شَيْئاً  
وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَن تُحِبُّوْ شَيْئاً وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

“ Diwajibkan atas kamu berperang, pada hal ia suatu kebencian bagi kamu, sedangkan kamu mungkin benci kepada sesuatu pada hal ia merupakan kebaikan bagi kamu dan mungkin kamu suka kepada sesuatu pada hal ia merupakan tidak baik bagi kamu dan Allah itu maha mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui.”

(Surah al-Baqarah (2): 216)

Sesuatu tindakan yang dianggap baik atau pada pandangan 'urf atau masyarakat tidak semestinya sama dengan pandangan Allah. Oleh sebab itu undang-undang ciptaan manusia selalu bercanggah dengan undang-undang Islam yang dicipta oleh Allah s.w.t.

Kita lihat kepada undang-undang hakcipta yang ada pada hari ini adalah hasil ciptaan manusia yang bukan berlandaskan undang-undang Islam. Oleh itu, undang-undang yang dibuat itu berdasarkan kepada maslahah menurut pandangan manusia. Dengan itu, terdapat sesetengah hasil karya yang bertentangan dengan Syarak turut diberi perlindungan dan dianggap sebagai termasuk di dalam harta intelek. Contohnya seperti karya-karya filem dan drama yang babak-babaknya dilarang di dalam Islam seperti pergaulan bebas, bercumbu-cumbuan dan sebagainya yang mana kesemuanya ini membawa kepada keburukan. Karya-karya sebegini turut mendapat perlindungan undang-undang demi kepentingan manusia tanpa merujuk kepada pandangan dan tujuan Syarak. Maslahah seperti ini bukan merupakan maslahah pada pandangan Syarak kerana ia bertentangan dengan matlamat Syarak walaupun menjaga kepentingan individu, orang ramai ataupun mana-mana pihak (matlamat makhluk). Demi menjaga konsep maslahah agar bertepatan dengan matlamat Syarak ini, maka penulis menegaskan bahawa hakcipta dan undang-undangnya yang ada pada hari ini boleh diterima oleh Islam tetapi perlu dibuat beberapa perubahan pada peruntukan undang-undang tersebut terutama penelitian semula terhadap hasil-karyanya yang bertentangan dengan Syarak. Karya-karya hakcipta yang boleh meruntuhkan moral masyarakat dan

melalaikan manusia daripada tanggungjawab sebagai hamba kepada Allah dilarang di dalam Islam. Oleh itu ia sebenarnya mafsadah, bukan maslahah.

### 3.2.4. Berusaha Mencari Rezeki: Satu Tuntutan di dalam Islam.

Sesungguhnya segala yang ada di langit dan di bumi adalah milik Allah s.w.t. Ianya suatu yang tidak disangkalkan lagi dan banyak disebut di dalam al-Qur'an. Antaranya ialah firman Allah s.w.t:

وَلِلّٰهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَلَقَدْ وَصَّلَنَا لِلّٰهِ الْكِتَابَ  
مِنْ قَبْلِكُمْ وَإِنَّا لَكُمْ أَنْتَمُ أَنْ تَقْرُوَا اللّٰهَ وَإِنْ تَكُفُّرُوا فَإِنَّ اللّٰهَ مَا فِي السَّمَاوَاتِ  
وَمَا فِي الْأَرْضِ وَكَانَ اللّٰهُ عَنِّي بِحِسْبًا

"Dan bagi Allah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi dan demi sesungguhnya kami telah perintahkan orang-orang yang diberi kitab dahulu daripada kamu dan juga perintahkan kamu iaitu hendaklah bertaqwa kepada Allah, dan jika kamu kufur, ingkar, maka ketahuilah sesungguhnya Allah jualah yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada dibumi, dan ingatlah Allah maha kaya lagi maha terpuji."

(Sūrah al-Nisā' (4): 131)

وَلِلّٰهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ

" Dan ingatlah bagi Allah jualah kuasa pemerintah langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya dan kepada Allah jualah tempat kembali."

:

(Sūrah al-Mā'idah (5): 18)

**هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا**

“Segala yang ada di langit dan di bumi adalah kepunyaan Allah”.  
(Surah al-Baqarah (2): 29)

Lantaran segala harta yang ada di langit dan di bumi adalah milik Allah, maka harta yang diberikan kepada manusia adalah sebagai amanah, bererti manusia itu sebagai pemegang amanah dan pentadbir sahaja kepada harta, bukan pemilik hakiki. Firman Allah s.w.t:

**إِنَّ الْأَرْضَ لِلَّهِ يُورِثُهَا مَن يَشَاءُ مِنْ عَبَادِهِ وَالْعِقَبَةُ لِلْمُتَّقِينَ**

“Bumi ini kepunyaan Allah, diwariskan kepada sesiapa yang dikehendaki dari hamba-hamba-Nya dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa.”

(Surah al-A`raf (7):128)

**ثُمَّ جَعَلْنَاكُمْ خَلِيفَاتٍ فِي الْأَرْضِ مِنْ بَعْدِهِمْ لِنَنْظُرَ**  
**كَيْفَ تَعْمَلُونَ**

“Kemudian kami jadikan kamu khalifah-khalifah di bumi menggantikan mereka yang dibinasakan dahulu, supaya kami melihat apa pula corak dan bentuk kelakuan yang kamu akan lakukan”

(Surah Yunus (10): 14)

Walaupun Allah itu Maha Pemurah untuk mengurniakan rezeki kepada manusia, tetapi manusia dituntut untuk berusaha bagi mendapatkan rezeki tersebut

Bak kata pepatah Melayu, “*yang bulat tidak datang bergolek dan yang pipih tidak datang melayang.*” Tuntutan berusaha mencari rezeki ini banyak disebut oleh al-Qur'an . Antaranya ialah firman Allah:

وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ

“*Dan sesungguhnya tidak ada bagi seseorang melainkan apa yang diusahakannya*”

(Surah al-Najm (53):39)

وَلَا تَتَمَنُوا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ. بَعْضُكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ لِّرِجَالٍ  
ذَصِيبَتْ مِمَّا أَكْتَسَبُوا ۚ وَلِلَّاتِي أَءَادُوا ذَصِيبَتْ مِمَّا أَكْتَسَبْنَ ۖ وَشَلُّوا اللَّهُ مِنْ  
فَضْلِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

“*Dan janganlah kamu terharap-harap limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu melebihi sebahagian yang lain, orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang dia usahakan dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, maka berusahaalah dan pohonlah kepada Allah akan limpah kurnianya. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui tiap-tiap sesuatu.*”

(Surah al-Nisa' (4): 32)

Ayat di atas menerangkan bahawa setiap usaha yang dilakukan mempunyai ganjarannya yang tersendiri setakat mana yang diusahakan.<sup>88</sup> Perebutan dan ketidakadilan dijamin tidak akan berlaku kerana setiap daripada mereka yang berusaha akan mendapat balasan hasil daripada usaha masing-masing.<sup>89</sup>

Selain daripada tuntutan berusaha mencari rezeki, ayat-ayat di atas juga menyatakan jaminan Allah s.w.t terhadap hak individu. Ertinya, rezeki yang didapat daripada hasil usaha seseorang itu diiktiraf haknya dan tidak boleh dicabuli. Di antara rezeki yang diberi oleh Allah s.w.t ialah harta. Bertitik tolak dari sini, Allah melarang keras umat manusia daripada memakan harta orang lain atau memaanfatkannya secara tidak sah dan tanpa keizinan. Firman Allah s.w.t:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ وَتَذَلُّوا بِهَا إِلَى  
الْخَحَامِ لِتَأْكُلُوا فِرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْأَلْثِمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

*“Dan janganlah kamu makan atau mengambil harta orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah dan janganlah pula kamu menghulur harta kamu kepada hakim-hakim kerana hendak mengambil sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa, pada hal kami mengetahui salahnya”*

(Al-Baqarah (2):188)

Selain daripada nas al-Qur'an, galakan berusaha mencari rezeki juga turut disentuh secara langsung oleh hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Antaranya ialah hadis yang diriwayatkan daripada al-Miqdām r.a iaitu:

عن المقدام رضي الله عنه عن رسول الله صلى الله عليه وسلم  
قال: ما أكل أحد طعاماً قط خيراً من أن يأكل من عمل يده  
وإن نبي الله داود عليه السلام كان يأكل من عمل يده

Hadis ini menerangkan bahawa menikmati rezeki daripada hasil usaha sendiri adalah yang terbaik sebagaimana Nabi Dawud `a.s turut berusaha sendiri, tidak bergantung kepada orang lain. Jadi jelaslah bahawa berusaha mencari rezeki merupakan tuntutan Islam dan amat digalakkan di samping mendapat ganjaran pahala yang besar di sisi Allah s.w.t.

Dalam konteks sekarang, pencipta-pencipta karya kebanyakannya telah menjadikan bidang ini sebagai sumber rezeki yang utama di dalam kehidupan mereka. Ini kerana ia boleh mendatangkan pulangan kewangan yang baik ekoran daripada sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat. Hasil karya atau ciptaan mereka boleh diurusniagakan dengan sebarang bentuk urus niaga. Justeru itu, sewajarnyalah hak-hak mereka diberi perlindungan oleh undang-undang agar masa hadapan mereka cerah dan tidak malap. Mungkin pada masa dahulu, topik hakcipta ini tidak popular dan tidak memerlukan undang-undang bagi mengawalnya kerana ia tidak menjadi sumber rezeki yang utama atau tidak ada pencerobohan berlaku ke atasnya yang boleh menggugat pendapatan hidup seseorang. Tetapi dengan kecanggihan teknologi yang ada kini, pelbagai usaha boleh dilakukan bagi mengaut keuntungan dengan mudah tanpa memerlukan usaha yang gigih dengan mengeksplotasikan karya-karya hakcipta orang lain seperti kegiatan cetak rompak perisian komputer.

Kepenatan dalam menghasilkan karya-karya hakcipta di samping kos yang digunakan bagi menghasilkan karya tersebut sewajarnya mendapat imbuhan yang

setimpal. Islam juga tidak menafikan hak tersebut dan dengan ini tidak dianggap salah di sisi Islam. Oleh itu, pembayaran royalti yang lumayan kepada pihak pencipta karya hakcipta seperti bayaran royalti hasil penjualan pita rakaman ceramah agama, lagu-lagu dakwah dan lain-lain karya yang tidak bercanggah dengan Syarak tidak dianggap salah di sisi Islam. Ini kerana apa yang boleh dijual beli di sisi Islam ialah kepenatan hasil usaha dan juga barang keluaran yang melibatkan kos.

Terdapat dalil yang kuat yang menjelaskan hal ini iaitu hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan daripada Abī Sa'īd al-Rūmī:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ انطَلَقَ نَفْرٌ مِّنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ سَافَرُوا هَا حَتَّى نَزَلُوا عَلَى حَيٍّ مِّنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ فَاسْتَضْفَوْهُمْ فَأَبْوَا أَنْ يُضْيِغُوهُمْ فَلَدَغَ سِيدُ ذَلِكَ الْحَيِّ فَسَعَوْهُ لَهُ بِكُلِّ شَيْءٍ لَا يَنْفَعُهُ شَيْءٌ فَقَالَ بَعْضُهُمْ لَوْ أَتَيْتُمْ هُولَاءِ الرَّهَطِ الَّذِينَ نَزَلُوا عَلَيْهِمْ أَنْ يَكُونُ عِنْدَ بَعْضِهِمْ شَيْءٌ فَأَتَوْهُمْ فَقَالُوا يَا أَيُّهَا الرَّهَطِ إِنَّ سَيِّدَنَا لَدَغَ وَسَعَيْنَا لَهُ بِكُلِّ شَيْءٍ لَا يَنْفَعُهُ فَهُلْ عِنْدَ أَحَدٍ مِّنْكُمْ مِّنْ شَيْءٍ فَقَالَ بَعْضُهُمْ نَعَمْ وَاللَّهُ إِنِّي لَأَرْقَى وَلَكُنْ وَاللَّهُ لَقَدْ اسْتَضْعَفْنَاكُمْ فَلَمْ تُضْيِغُونَا فَمَا أَنَا بِرَاقٌ لَكُمْ حَتَّى يَجْعَلُوْنَا لَنَا جَعْلًا فَصَاحُوهُمْ عَلَيْهِ قَطْبِعَ مِنَ الْعَنْمَ فَانطَلَقَ يَتَفَلَّ عَلَيْهِ وَيَقْرَأُ الْحَمْدَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ فَكَأْنَا نَشَطَ مِنْ عَقَالٍ فَانطَلَقَ يَعْشِي وَمَا بِهِ قَلْبَةٌ قَالَ فَأَوْفُوهُمْ جَعْلَهُمُ الَّذِي صَاحُوهُمْ عَلَيْهِ فَقَالَ :

بعضهم اقسموا فقال الذي رقى لا تتعلموا حتى نأتي النبي صلى  
عليه وسلم فذكر له الذي كان فتظر ما يأمرنا فقدموا على  
رسول الله فذكروا له فقال وما يدركك أنها رقية ثم قال قد أصبتكم  
اقسموا واضربوا لي معكم سهما فضحك رسول الله صلى الله  
عليه وسلم

Hadir di atas menceritakan kisah sekumpulan sahabat yang ditugaskan sebagai peninjau ke suatu tempat di Madinah. Di sana, para sahabat tersebut telah terputus bekalan makanan. Ketuanya, Sa'īd al-Khudrī telah meminta pertolongan daripada penduduk sebuah kampung. Malangnya, permintaan itu tidak dilayan dan tidak diendahkan. Dengan kehendak Allah s.w.t, penghulu kampung tersebut telah disengat kala. Penduduk kampung berusaha untuk mengubatinya tetapi gagal untuk sembah. Oleh itu, mereka telah meminta pertolongan daripada Sa'īd al-Khudri. Beliau kemudiannya bertanya apakah imbuhan yang boleh diberikan jika beliau berjaya mengubati penghulu tersebut. Maka, penduduk kampung bersetuju untuk memberikan sekumpulan lebih daripada 30 ekor kambing. Kemudian, Sa'īd al-Khudrī meludah pada tempat yang sakit disertai dengan bacaan *Sūrah al-Fatihah*. Dengan izin Allah, penghulu tersebut sembah daripada kesakitan. Lantaran itu, penduduk kampung tersebut telah menunaikan janji mereka dengan memberikan kambing-kambing tersebut. Namun begitu, para sahabat tidak terus memakannya sehingga dikemukakan kepada Rasulullah s.a.w. Baginda bertanya, bagaimana Sa'īd al-Khudrī mengetahui bahawa *sūrah al-Fatihah* sebagai penyembuh. Selepas mendengar jawapan Sa'īd al-Khudrī, baginda mengakui kebetulannya dan tersenyum. Seterusnya menyuruh dibahagikan dan

disembelih kerana sama-sama ingin memakannya.<sup>90</sup> Daripada hadis ini, dapat dirumuskan bahawa bayaran lumayan daripada hasil usaha diterima dalam Islam. Dalam kes Sa'īd al-Khudrī, usaha beliau tidak dikategorikan sebagai ‘menjual agama’ dengan pembacaan *al-Fātiḥah* dan imbuhan lumayan yang diterimanya halal dimakan.

Begitupun, karya-karya hakcipta terutama yang berbentuk sebagai bahan dakwah dalam Islam tidak boleh menjadi komoditi atau bahan jual beli jika bertujuan untuk mengaut keuntungan semata-mata kerana menyeleweng dari hasrat sebenar penyebaran mesej. “Trend” ini jika tidak dapat dikawal akan terus berkembang. Oleh itu, keuntungan daripada karya hakcipta sepatutnya secara sederhana, setimpal dengan usaha yang dicurahkan dan kos perbelanjaan yang dikeluarkan.

Sejajar dengan usaha yang telah dicurahkan bagi mencari rezeki sebagaimana yang digalakkan oleh Islam dan jaminan hak kepada seseorang di atas hasil usaha yang dinyatakan oleh al-Qur'an, pemerintah mesti memastikan bahawa ia benar-benar diaplikasikan di dunia ini dengan mengadakan sebarang peraturan yang boleh mengawalnya daripada diekspolitisikan oleh orang lain dengan secara tidak sah. Segala peraturan yang dibuat dan tidak bercanggah dengan Syarak mesti ditaati dan dipatuhi oleh rakyat sebagaimana firman Allah ta'ala:

يَتَأْمِنُهَا الَّذِينَ عَامَنُوا أَطْبَعُوا أَلَّهَ وَأَطْبَعُوا أَلَّهُمْ وَأُولَئِي  
الْأَنْفُسِ مِنْكُمْ

*"Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah, Rasul dan pemimpin daripada kamu..."*

(Surah al-nisa' (4): 59)

Rasulullah s.'a.w juga ada menyebut bahawa:

عن أبي هريرة رضي الله عنه يقول: إن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: من أطاعني فقد أطاع الله ومن عصاني فقد عصى الله ومن أطاع أميرى فقد أطاعني ومن عصى أميرى فقد عصانى

*"Sesiapa yang mentaatiku, sesungguhnya telah mentaati Allah. Sesiapa yang tidak mentaatiku, ia tidak mentaati Allah. Dan sesiapa yang mentaati pemimpin, sesungguhnya telah mentaatiku dan sesiapa yang tidak mentaati pemimpin, sesungguhnya tidak mentaatiku."*<sup>91</sup>

Walau bagaimanapun, usaha yang diiktiraf hak dan diberi jaminan oleh Allah itu ialah terbatas kepada rezeki yang halal sahaja.<sup>92</sup> Dalam hal ini, karya-karya yang dicipta mesti dipastikan bahawa ianya menepati kehendak dan peraturan Syarak bagi membolehkan ia mendapat jaminan hak di dalam Islam. Ini kerana rezeki yang halal dan bermanfaat sahaja dianggap harta bernilai. Atas dasar ini, menurut Imām Syafie, harta yang bernilai, jika dirosakkan dengan sengaja perlu diganti tetapi jika harta tidak bernilai, ia tidak perlu diganti jika dirosakkan.<sup>93</sup>

### **3.2 Kesimpulan.**

Merujuk kepada perbincangan di dalam bab yang ketiga ini, penulis merumuskan beberapa perkara utama;

Pertamanya; penganalisaan terhadap definisi harta dan hakcipta di samping unsur-unsur kehartaan menggambarkan bahawa wujud ciri-ciri persamaan dari aspek manfaat, bernilai dan boleh dikuasai secara umumnya. Namun, ternyata unsur manfaat dan bernilai di sisi Islam agak terbatas kerana ia tertakluk kepada ketetapan Syarak sedangkan hakcipta yang diterimapakai sekarang ini tidak merujuk kepada Syarak. Begitupun, hal ini tidak menjadi halangan ke arah penerimaan hakcipta di dalam Islam kerana pengubahsuaiannya boleh dilakukan dengan mengenepikan unsur-unsur yang bercanggah dengan Syarak.

Kedua; Walaupun fuqaha' tidak pernah membincangkan secara khusus tentang hakcipta tetapi mereka ada menghuraikan tentang beberapa karya seni pada pandangan Syarak. Pada masa itu, karya-karya seni tidak diiktiraf sebagai hakcipta di sisi undang-undang. Sebagai contohnya, wujud perbincangan fuqaha' klasik mengenai karya muzik dan nyanyian, karya sastera, ukiran dan lain-lain dalam menentukan sama ada ianya halal atau haram. Masalah media elektronik juga ada diperbincangkan oleh fuqaha' kini seperti yang diijtihadkan oleh al-

Qaradawi dan lain-lain. Perbincangan dan kajian itu menunjukkan bahawa karya-karya tersebut pernah dianalisa tentang kedudukannya di sisi Syarak dan ia boleh dijadikan asas di dalam kajian penulis. Cuma, apa yang dibincangkan itu hanya sebahagian sahaja yang termasuk di dalam kategori hakcipta sekarang ini. Begitupun, hal ini mungkin berlaku kerana situasi pada hari ini semakin berkembang dengan perkembangan zaman menyebabkan lahirnya beberapa ciptaan baru sesuai dengan kemajuan yang ada kini. Persoalan hakcipta secara khusus tidak ditimbulkan pada masa dahulu mungkin kerana situasi dan keadaan masyarakat berbeza. Dahulu, karya-karya seni dan ciptaan mungkin bukan menjadi sumber rezeki kepada pencipta dan juga negara, malah semata-mata memberikan sumbangan kepada masyarakat di samping sebagai hobi sahaja. Kalaupun ia menjadi sumber rezeki, tidak timbul masalah pengeksplotasian untuk mengaut keuntungan secara tidak sah. Tetapi hari ini, keadaannya telah berubah. Karya-karya hakcipta menjadi sumber rezeki kepada sesetengah pencipta dan juga negara. Kewujudan pelbagai teknologi canggih menyebabkan ada segelintir manusia yang mencari rezeki dengan jalan yang mudah iaitu mengeksplotasikan karya ciptaan orang lain bagi mengautkan keuntungan yang tinggi. Kegiatan ini semakin berleluasa menyebabkan wujudnya peraturan atau undang-undang untuk mengawal kegiatan tersebut. Oleh itu, hakcipta boleh dikategorikan sebagai harta di dalam Islam berasaskan manfaatnya yang begitu besar kepada kemajuan negara. Prinsip keadilan dan kebaikan yang dianjurkan Islam akan dapat dilaksanakan dalam masyarakat serta hak-hak individu akan terjamin.

Ketiga; justifikasi sama ada harta itu bernilai dan boleh dimanfaatkan atau tidak ialah penilaian Syarak. Oleh itu, hakcipta yang diterimapakai sekarang adalah lebih luas kerana tidak tertakluk kepada penilaian Syarak, bahkan tertakluk kepada penilaian manusia. Sehubungan dengan itu, hanya hakcipta yang selaras dengan kehendak Syarak sahaja yang boleh diterima di dalam Islam dan yang selebihnya itu perlu ditolak dan dihapuskan kerana bercanggah dengan Syarak. Mana-mana karya yang membawa kepada kebaikan dan keuntungan adalah halal dan diterima Syarak. Sebaliknya karya-karya yang membawa kepada kemudharatan dan kemerbahayaan adalah haram dan ditolak. Proses penilaian ini juga tertakluk kepada situasi dan keperluan semasa.

Keempat; Islam juga mengiktiraf konsep *al-thabāt* dan *al-tagħayyur* dalam konteks perhukuman Syarak bagi memastikan hukum Islam sesuai untuk situasi dan keperluan semasa. Sejajar dengan itu, wujudnya doktrin *Siyāsah Syar`iyyah* di dalam Islam bagi melaksanakan perubahan-perubahan hukum yang berdasarkan prinsip-prinsip sebagaimana yang digariskan Syarak. *Siyāsah syar`iyyah* pula mesti berdasarkan maslahah semasa yang merupakan matlamat Syarak. Kesemuanya ini menjadi asas ke arah penerimaan hakcipta di sisi Syarak.

Kelima; Islam juga menggalakkan manusia supaya berusaha mencari rezeki sama ada usaha secara fizikal mahupun mental. Setiap usaha yang dilakukan akan mendapat ganjarannya dan hak mereka ke atas apa yang diusahakan dijamin oleh Allah s.w.t. Begitupun, rezeki yang diusahakan hanya

terbatas kepada rezeki yang halal sahaja. Hakcipta juga adalah satu hasil usaha manusia yang perlu dijamin hak mereka. Oleh kerana Islam hanya mengiktiraf rezeki yang halal sahaja, maka setiap karya yang dihasilkan mestilah memenuhi kehendak Syarak .

## 1. NOTA HUJUNG

1. Ibn 'Ābidīn (1966), *Radd al-Muhtār*, juz 4, cet.2, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī wa al-Ḥalabī wa Awlāduhu, m.s 501.
2. Badran, Abū al-'Aynayn Badran (t.t), *al-Syari'ah al-Islāmiyyah: Tārīkhuhā wa Nazariyyat al-Milkiyyah wa al-'Uqūd*, Iskandariyyah: Muassasah al-Syabāb al-Jāmi'iyyah, m.s 286.
3. Infra, m.s 21 – 27.
4. Infra, m.s 37.
5. Lihat, sek. 13 (2), *Akta Hakcipta 1987*.
6. Al-Syarbīnī al-Khatīb (1958) *Mughnī al-Muhtāj*, juz. 2, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī wa al-Ḥalabī wa Awlāduhu, m.s 2.
7. Ibn 'Ābidīn, op.cit.
8. R. Ramachandran (1978), *Copyright Law in Singapore*, Singapore: Malayan Law Journal PTE Ltd, m.s 3-4
9. Laporan daripada Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Selangor.
10. Sila rujuk kenyataan akhbar yang dibuat oleh Robert Holleyman di Kuala Lumpur pada Februari 1998 dan disiarkan di dalam akhbar Berita Harian, Rabu 4 Februari 1998.
11. Temubual eksklusif oleh wartawan Utusan Malaysia dengan kumpulan Nasiyid Raihan dan disiarkan di dalam akhbar Utusan Malaysia, Sabtu 7 Mac 1998.
12. Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, op. cit.
13. S.H Nasr (1989), *Falsafah Kesusasteraan dan Seni*, Terj. Baharuddin Ahmad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s 84.
14. *Akta Hakcipta 1987*, op. cit.
15. Infra, m.s 19.
16. Karya-karya yang tersenarai itu ialah karya sastera, karya seni, muzik, drama, rakaman suara, penerbitan, filem dan penyiaran.

17. K.H Sirajuddin 'Abbas, *40 Masalah Agama Siri III*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, m.s 288.
18. Lihat al-Qur'an, Sūrah al-Saba' (34): 10-14.
19. Dinukilkan oleh Al-Asqalānī, Ibn Ḥajar (1950), *Fatḥ al-Bārī*, jld 10, Kaherah: Matba'ah al-Salafiyah wa Maktabatuhā, m.s 470.
20. K.H Sirajuddin 'Abbas, op. cit, m.s 289.
21. Ibid, m.s 289-290.
22. *Kamus Dewan* (1989) , Edisi Baru, cet.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s 868
23. Ibid, m.s 849.
24. Al-Ghazālī, Abū Ḥamid (t.t), *Iḥyā' 'Ulūm al-dīn*, jld. 2, Damsyiq: Maktabah 'Abd al-Wakīl al-Darūbī, m.s 237-238. Lihat juga Ibn Abī al-Dunyā, Abū Bakr, *Dham al-Malāḥī*, Kaherah, m.s 3-4.
25. Ibid.
26. Ibid.
27. Ibid.
28. Ibid, m.s 8
29. Lihat al-Qur'an, Sūrah al-Isrā' (17):32.
30. Sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Syawkānī, Muḥammad ibn 'Alī ibn Muḥammad (1954), *Fatḥ al-Qadīr*, juz.4, cet.1, Kaherah: Dār al-Wafā', m.s 228-229.
31. Ibn Abī al-Dunyā, op. cit, m.s 12.
32. Ibid, m.s 14.
33. Ibid.
34. Lihat al-Qur'an, Sūrah Luqmān (3): 19.

35. Muḥammad Fu`ad Abd al-Bāqī (t.t), *al-Lu'lu' wa al-Marjān Ittifaq al-Imām al-Bukhārī wa al-Imām al-Muslim*, juz. 2, Maktabah `Isā al-Bābī wa al-Halabī wa Syurakāhu, m.s 235-236.
36. Al Muslim (1956), *Sahīh Muslim*, juz.2. Beirut: Dār al-Turāth al-`Arabi, m.s 608. Lihat juga, al-Syāwkānī, Muḥammad ibn `Alī (t.t), *Nayl al-Awtār*, Beirut: Dār al-Jail, juz.8, m.s 99.
37. Abū Ṣalīḥ al-Alfay (t.t), *al-Fann al-Islāmī*, Lubnan: Dār al-Ma`ārif, m.s 83.
38. `Ulwān `Abd Allah Nāsih (1983), *Hukm al-Islām fī Wasā'il al-I'lām*, Kaherah: Dār al-Salām li al-Tibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī, m.s 23.
39. Ibn. Majah (t.t), *Sunan Ibn Majah*, juz. 2, Beirut: al-Maktabah al-`Ilmiyyah, m.s 798.
40. Lihat, `Abd al-Karīm Zaydān (t.t), *al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*, Baghdad: Maktabah al-Quds, m.s 245-251.
41. `Ulwān `Abd Allah Nāsih, op. cit, m.s 37.
42. Al-Nawāwī (1994), *Sahīh Muslim bi Syarh al-Nawāwī*, juz.15, Beirut: Dār al-Ma`rifah, m.s 18.
43. Al-Asqalānī, op. cit, jld. 13, m.s 167.
44. Al-Nawāwī, op. cit, m.s 16.
45. Al-Asqalānī, op. cit, juz. 17, m.s 156.
46. Al-Nawāwī, op. cit, m.s 15. Labīd ialah seorang sasterawan Arab yang masyhur, hidup dalam dua zaman iaitu Jahiliyyah dan Islam, terkenal sebagai penyair bukan sahaja pada zaman jahiliyyah tetapi juga pada zaman Islam. Beliau lahir pada tahun 90 sebelum Hujrah dan meninggal pada tahun 65H / 622M dalam usia 145 tahun. Beliau seorang sahabat Nabi dan penyair ‘muallaqat’ pada zaman jahiliyyah. Bagaimanapun, setelah menganut Islam, beliau bersara dari menyair dan menumpukan perhatian kepada al-Quran pula kecuali satu bait syair sahaja yang digubahnya setelah Islam iaitu yang bermaksud: “ Segala puji bagi Allah yang tidak mencabut segera ajalku, sehingga Islam menjadi pakaianku.”
47. Al-Nawāwī, op. cit, m.s 14.
48. K.H Sirajuddin `Abbas, op. cit, m.s 337.

49. Al-Sayūtī, Jalāl al-Dīn bin ‘Abd al-Rahmān (t.t), *al-Asybah wa al-Nazzār*, Makkah: Maktabah Nizār Mustafā al-Baẓ, m.s 87.
50. Ibn Majah, op.cit.
51. Al-Qaradawī (1989), *al-Khasa’is al-‘Āmmah li al-Islām*, Kaherah: Maktabah Wahbah, m.s 7.
52. *Majallat al-Aḥkām al-‘Adliyyah (Undang-undang Sivil Islam)* (1990), Terj. Mohd. Akhir Hj.Yaacob, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Per. 39, m.s 13.
53. Al-Zuhaylī (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, jld. 1, Damsyik: Dār al-Fikr, m.s 651.
54. Ibn Khaldūn (t.t), *al-Muqaddimah*, juz. 2, Kaherah: Dār al-Sha`b, m.s 808.
55. Ibn. Manzūr (1990), *Lisān al-‘Arab*, jld. 6, Beirut: Dār al-Fikr, di bawah perkataan مساص
56. Sebagaimana yang dinukilkan oleh ‘Abd al-Wahhāb Khallāf (1984) dalam bukunya *al-Siyāsah al-Syar‘iyyah*, edisi 3, Beirut: Muassasah al-Risālah, m.s 6.
57. Sebagai contohnya, al-Mawardi (1978) *al-Aḥkām al-Ṣultāniyyah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
58. Antara buku yang ditulis di bawah tajuk ini ialah; Muḥammad Yūsuf Mūsā, *Niżām al-Hukm fī al-Islām*, Kaherah: Dār al-Kutub al-‘Arabi.
59. ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, op. cit, m.s 6.
60. Ibid.
61. Sebagaimana yang dinukilkan oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1953), *al-Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siāsah al-Syar‘iyyah*, Kaherah: Matba’ah al-Sunnah al-Muhammadiyah, m.s 13.
62. Muhammad Fathī ‘Uthmān (1984), *Min Uṣūl al-Fikr al-Islāmī*, edisi ke 2, Beirut: Muassasah al-Risālah, m.s 26.
63. Ibn Qayyim al-Jawziyyah, op. cit, m.s 13.
64. Ibid, m.s 14.

65. Lihat 'Alā' al-Dīn al-Tarābulsī (1973), *Mu'īn al-Hukkām*, edisi kedua, Kaherah: al-Halabi, m.s 177.
66. Lihat, Ibn Qudāmah (1968), *al-Mughnī*, jld. 2, Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, m.s 220.
67. Muhammad Fathī 'Uthmān, op. cit, m.s 28-29.
68. Al-Qaradawī, Yusuf, (1994), *Fatāwā Mu'āsarah*, cet. 3, Kaherah: Dār al-Wafā', m.s 643.
69. 'Abd al-Wahhāb Khallāf, op. cit, m.s 5.
70. 'Alā' al-Dīn al-Tarābulsī, op. cit, m.s 169.
71. Dalam metodologi hukum Islam, *Masāliḥ Mursalah* diertikan sebagai kepentingan-kepentingan yang dinaskan oleh syariat sama ada ditolak atau diterima. Ia merupakan salah satu daripada sumber hukum dalam hal yang selain daripada ibadat pada pandangan sesetengah fuqaha'. Lihat misalnya, 'Abd al-Karīm Zaydān (1987), *al-Wajīz fi Usūl al-Fiqh*, edisi ke 2, Baghdad: Maktabah al-Quds, m.s 237-238.
72. 'Abd al-Wahhāb Khallāf, op. cit, m.s 6.
73. Ulama' *Usūl al-fiqh* menggunakan pelbagai istilah terhadap tujuan syarak. Antara lain ialah *al-Munāsib*, *al-Mursal*, *al-'Illah*, *al-Hikmah*, *al-Sabab*, Lihat juga, Dr. Muṣṭafā Zayd (1964), *al-Maṣlahah fī al-Tasyrī al-Islāmī*, Kaherah: Dār al-Ma'rīfah, m.s 385.
74. Muhammad Sa'īd Ramadān al-Butīy (1966/67), *Dawābit al-Maṣlahah fī al-Syari'ah al-Islāmiyyah*, Damsyik: Dār al-Fikr, m.s 385.
75. Muṣṭafā Zayd (Dr), op. cit, m.s 31.
76. Lihat, Othman Hj. Ishak (Dr) (1981), *Fatwa dalam Perundungan Islam*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, m.s 2-3.
77. Muṣṭafā Zayd (Dr), op. cit, m.s 31.
78. Othman Hj. Ishak (Dr), op. cit, m.s 19.
79. Muhammad Sa'īd Ramadān al-Butīy, op. cit, m.s 385.
80. Ibid, m.s 362-363.

81. Muhammad Sa`id (Dr) (1978), *Buhūth fi Adillah wa al-Mukhtalat fiha `inda al-Ūsūliyyīn*, Kaherah, m.s 125.
82. Sa`id Ramadhan al-Buti, op. cit, m.s 368.
83. Muṣṭafā Zayd (Dr), op. cit, m.s 58.
84. Al-Syāfi`ī, Muḥammad bin Idris (1308H), *al-Umm*, juz. 7, Kaherah: Maktabat al-Kulliyah al-Azhariyyah, m.s 50.
85. Al-Sayūtī, op. cit, m.s 172.
86. Mohd. Noor Deris, "Kekaburan tentang Konsep Maslahah dalam Perundangan," *Jurnal Syari'ah*, jld. 1, bil. 1, Jan-Jun 1993, m.s 110.
87. Al-Ghazalī, Abū Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad (t.t), *al-Mustasfa*, jld. 1 Damsyik: Dar al-Fikr , m.s 286-287.
88. Muḥammad `Alī al-Šabūnī (t.t), *Sofwah al-Tafsīr*, jld. 3, Makkah: Dār al-Šabūnī, m.s 278
89. Ibid, jld. 1, m.s 273.
90. Abū Muḥammad, Badr al-Dīn, Maḥmūd Ibn Aḥmad al-`Ayn (t.t). *Umdah al-Qāri` Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, juz. 12, Dār al-Fikr, m.s 98.
91. Ibid, juz. 24, m.s 221.
92. Sebagaimana hadis Nabi s.a.w yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī yang bermaksud: "*Mencari rezeki yang halal wajib bagi setiap muslim.*"
93. Infra, m.s 7.